

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **Pendahuluan**

Bab ini membincangkan pendekatan yang telah digunakan untuk menjawab soalan-soalan kajian tentang syarat-syarat pengajaran, penggunaan strategi pengajaran komponen TMK, dalam sukatan pelajaran TP2150D - Pengurusan Sumber, KPLI di institut perguruan. Gambaran tentang pelaksanaan komponen tersebut dapat dilihat dengan menyelidiki bagaimana pensyarah menggunakan kaedah dan strategi pengajaran ketika menyampaikan isi kandungan sukatan pelajaran tersebut. Pada masa yang sama kajian ini juga telah meneliti hasil pembelajaran yang berlaku ke atas diri guru pelatih kesan daripada pengajaran pensyarah.

Penerokaan ini menggunakan teknik pemerhatian, temu bual, catatan lapangan, dan analisis dokumen untuk mengumpul data. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan cara pengkodan dan kemudiannya dikategorikan seperti yang diamalkan dalam penganalisan data kualitatif. Bab ini membincangkan tentang pelaksanaan proses pemerolehan data berpandukan reka bentuk kajian yang telah ditentukan seperti di Bab 1. Perbincangan-perbincangan seterusnya menyentuh tentang rasional pemilihan kaedah kajian, peserta kajian, lokasi kajian, tempoh kajian dan prosedur pengumpulan data serta kaedah menganalisis data. Bab ini juga turut membincangkan tentang prosedur-prosedur menjalankan kajian dan amalan etika semasa melaksanakan proses pemerolehan data.

#### **Prosedur Melaksanakan Kajian**

Pengkaji telah menggunakan prosedur khusus untuk memastikan perjalanan kajian ini terlaksana dengan teratur. Berpandukan kepada prosedur tersebut, pengkaji

telah melalui proses inkuiri yang kompleks tetapi terurus kerana prosedur tersebut telah memandu pengkaji melaksanakan kajian. Prosedur tersebut mengandungi tiga peringkat utama, iaitu Persiapan Awal, Semasa Menjalankan Kajian di Lokasi, dan Selepas Menjalankan Kajian. Setiap peringkat mengandungi objektif-objektif tertentu untuk dicapai sesuai dengan skop kajian, dan dibahagikan kepada langkah-langkah yang spesifik. Langkah-langkah tersebut telah membantu pengkaji menjalankan kajian dengan cekap dan berkesan. Setiap langkah yang terkandung dalam prosedur tersebut telah dipatuhi dengan tegas oleh pengkaji. Jadual 3.1 menunjukkan langkah-langkah pelaksanaan.

Di peringkat persiapan awal, pengkaji telah memperoleh kebenaran secara rasmi untuk menjalankan kajian ini dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pelajaran Malaysia di Kompleks Pejabat Kerajaan, Putrajaya terlebih dahulu. Kajian ini mendapat kebenaran rasmi kerana BPPDP merupakan badan yang mempunyai kepentingan terhadap semua institut perguruan di Malaysia. Segala kegiatan yang berlaku di institut-institut perguruan perlu berada dalam makluman organisasi ini. Lampiran 1, menunjukkan surat kebenaran rasmi dari BPPDP dengan nombor rujukan KP(BPPDP)603/5 Jld.2 (95) yang bertarikh 16 Februari 2005. Surat kebenaran yang telah diperoleh pada tahun berkenaan, di mana pengkaji telah mula berada di lapangan untuk memulakan proses pemerolehan data.

Jadual 3.1  
Prosedur menjalankan kajian.

---

### 1. Persiapan Awal

- a. Mendapatkan akses bagi menjalankan kajian dari EPRD, BPG, dan institut perguruan serta pihak lain yang terlibat.
  - b. Menjalankan kajian rintis di tiga buah institut di zon tengah.
  - c. Menentukan lokasi khusus sebagai *site* menjalankan kajian.
  - d. Mengenal pasti perkara-perkara yang akan dilakukan semasa kajian di lokasi.
- 

### 2. Semasa Menjalankan Kajian Di Lokasi

- a. Mendapatkan akses daripada Pengarah Institut Perguruan yang telah dikenal pasti memenuhi kriteria dan kehendak kajian untuk memulakan kajian di institut berkenaan.
    - i. Menyatakan tujuan kajian
    - ii. Jadual kajian
    - iii. Cara mendapatkan maklumat
    - iv. Peserta yang terlibat dengan kajian.
    - v. Menentukan taraf yang memberi maklumat.
    - vi. Membuat temu janji dengan pihak terlibat
    - vii. Memohon mendapatkan dokumen rasmi dari maktab.
    - viii. Menjalankan kajian sebenar.
      - I. Peringkat 1- Pemerhatian pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah.
      - II. Peringkat 2- Menemu bual pensyarah dan kumpulan fokus.
      - III. Peringkat 4- Analisis dokumen (sebagai sokongan)
  - b. Menyediakan catatan harian dan transkrip / nota temu bual
  - c. Membuat analisis berdasarkan catatan
  - d. Mengubahsuai jadual jika perlu.
- 

### 3. Selepas Menjalankan Kajian

- a. **Menganalisis data dan dapatan kajian.**
    - i. Mengenal pasti pola dapatan
    - ii. Mengkategorikan dapatan kepada kelas-kelas tertentu
    - iii. Menyemak pengelasan dapatan
    - iv. Menentukan kesahihan maklumat / Verifikasi dapatan kajian
    - v. Mengenal pasti perkara yang perlukan kajian lanjut
    - vi. Menentukan taraf kesulitan maklumat dan pemberi maklumat
    - vii. Melahirkan teori / hipotesis / makna berasaskan dapatan kajian.
  - b. **Menulis laporan *fieldwork***
    - i. Merangka jangka masa yang realistik.
    - ii. Proof reading
    - iii. Pemurnian akhir laporan kajian
  - c. **Kesimpulan**
    - i. Mengenal pasti kumpulan pembaca
    - ii. Mengemukakan laporan kepada pihak tertentu: fakulti, bahagian dan kementerian.
-

Selepas mendapat kebenaran rasmi, pengkaji telah menentukan lokasi khusus sebagai *site* menjalankan kajian. Seperti yang telah dinyatakan di Bab 1, pemilihan sampel lokasi kajian adalah berdasarkan ciri-ciri tipikal yang terdapat pada institut perguruan yang dipilih. Pengkaji telah memasuki dan meneliti tiga lokasi kajian yang berbeza di sekitar Lembah Kelang untuk mengesan ciri tipikal yang telah ditetapkan, dan juga berdasarkan ciri intensiti fenomena yang dikaji. Pada setiap lokasi yang dimasuki pengkaji memastikan ciri ... *look at information-rich cases that manifest the phenomenon intensely but not extremely...* seperti yang dijelaskan oleh Miles dan Huberman (1994), dan Gay dan Airasian (2003).

Justeru, lokasi kajian yang dipilih merupakan institut yang menjalankan program KPLI dan melaksanakan kurikulum yang telah ditentukan oleh Bahagian Pendidikan Guru, KPM. Dalam pada itu, institut itu juga telah menggunakan sukatan pelajaran Pengurusan Sumber dalam program latihan KPLI. Kriteria lain yang turut menjadi penentu kepada pemilihan lokasi kajian ialah institut perguruan tersebut mempunyai prasarana TMK yang menyokong proses pengajaran komponen TMK, dengan makmal-makmal yang mempunyai sistem rangkaian serta bilangan perkakasan komputer yang memadai keupayaannya untuk kegunaan pensyarah dan guru pelatih dalam pembelajaran TMK.

Di peringkat kedua, semasa pengkaji berada di lokasi kajian iaitu sebelum boleh memulakan kajian, pengkaji telah menemui *gatekeeper*, kepada lokasi kajian yang dipilih. Sebelum dapat memulakan kerja-kerja di lapangan, Gay dan Airasian (2003), menyarankan agar kebenaran diperoleh terlebih dahulu. Pengarah institut, sebagai *gatekeeper* yang mempunyai kuasa untuk membenarkan atau menolak

permohonan pengkaji untuk menjalankan kajian, telah dimaklumkan tentang persoalan-persoalan kajian dan kemungkinan-kemungkinan yang akan timbul.

*Gaining permission to a site may require negotiation between yourself and the gatekeeper. For example, timing, access, use of result, and the like are common negotiation issues ... they may wish to know the following:*

*What are you trying to do in your study ?*

*How much your presence disrupt my classroom and students ?*

*What will you do with the findings ?*

*Why did you select this setting ?*

*What did we get out of this ?* (Gay & Airasian, 2003)

Justeru, untuk pengkaji melepasi *gatekeeper* kepada lokasi kajian yang dipilih itu, penjelasan kepada persoalan-persoalan seperti di atas telah diterangkan kepada Pengarah institut yang mempunyai kepentingan terhadap organisasi yang telah dipilih. Pengarah institut telah mencadangkan supaya peserta kajian dipilih dalam kalangan pensyarah di Jabatan Teknologi Pendidikan, institut itu.

Perkara-perkara lain yang turut dimaklumkan kepada pihak berkepentingan itu ialah berkaitan dengan kaedah mendapatkan maklumat daripada peserta kajian, peserta-peserta yang terlibat dengan kajian, menentukan taraf peserta yang memberi maklumat, dan permohonan mendapatkan dokumen rasmi dari pihak-pihak tertentu dalam institut. Begitu juga dengan peringkat-peringkat sepanjang menjalankan kajian seperti membuat pemerhatian pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, menemu bual pensyarah dan guru pelatih, menjadi tanggungjawab pengkaji untuk memaklulkannya secara telus kepada pihak pengurusan institut.

Di peringkat ketiga dan terakhir, selepas berada di lokasi kajian, pengkaji menganalisis data untuk mengesan dapatan kajian. Dari segi realitinya pengkaji telah membuat transkrip temu bual yang dilakukan dengan para peserta kajian, menganalisis data, dan membuat pentafsiran selepas data dianalisis. Langkah mengenal pasti pola dapatan kajian, membuat kategori kepada pola yang muncul, dan

menyemak kelas dan kategori telah dilakukan secara berterusan semasa berada di lapangan lagi. Proses menentukan kesahihan maklumat, dan rekod, atau data yang diterima juga telah dilakukan pada peringkat ini, sebagai usaha untuk menentukan kredibiliti kajian. Beberapa langkah telah dilakukan untuk memastikan kesahan dapatan kajian. Pengkaji membincangkan isu ini di bahagian seterusnya dalam bab ini.

### **Reka Bentuk Kajian**

Proses inkuiri ini bertujuan untuk menyiasat secara terperinci penggunaan strategi semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran komponen TMK, sukatan pelajaran Pengurusan Sumber, KPLI, program pendidikan guru di institut perguruan. Kajian ini telah menyelidiki apakah strategi yang pensyarah gunakan semasa melaksanakan pengajaran yang berpandukan sukatan pelajaran tersebut. Penelitian kepada hasil pembelajaran yang berlaku kesan daripada pengajaran pensyarah juga telah dikaji. Pengkaji telah menggunakan Teori Reka Bentuk Pengajaran oleh C. M. Reigeluth (1983), dan *Integrated Instructional Strategy* oleh R. D. Tennyson (1990a) untuk mendasari reka bentuk kajian ini. Dalam pada itu, pengkaji juga telah merujuk Teori Pembelajaran R. M. Gagné (1985), sebagai kerangka untuk menjelaskan hasil pembelajaran guru pelatih menguasai pengetahuan dan kemahiran TMK. (Rajah 1.2 : Kerangka Konsep Kajian).

### **Pemilihan Kaedah Kajian**

Kajian ini menggunakan persoalan kajian sebagai petunjuk penting bagi menentukan apakah kaedah kajian yang sesuai digunakan untuk menyempurnakan proses inkuiri ini. Berasaskan tinjauan literatur yang telah dilakukan pengkaji mendapati kaedah kajian kes secara kualitatif merupakan kaedah kajian yang

menepati kehendak, dan keperluan serta fokus kajian ini. Pemilihan kaedah kajian kes ini adalah berdasarkan pendapat Yin (1984. h.13), yang menggunakannya apabila ... *when the investigator have little control over events, and when the focus is on a contemporary phenomenon within some rea-life context.* Kes pelaksanaan strategi pengajaran komponen TMK, sukatan pelajaran Pengurusan Sumber dilihat sebagai satu fenomena semasa dalam kurikulum KPLI yang telah sedia wujud dalam konteks program pendidikan guru. Justeru, pemilihan kaedah kajian kes secara kualitatif didapati adalah amat sesuai untuk menghuraikan dan menjelaskan proses penggunaan strategi pengajaran komponen TMK, dalam persekitaran semula jadi iaitu di tempat fenomena itu berlaku (Marohaini Yusof, 2004), di institut perguruan.

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yin (1984), dalam mendefinisikan konsep kajian kes yang menekankan ... *multiple sources of evidance are used...* sebagai satu ciri kajian kes, maka kaedah penyelidikan ini menjadi pilihan. Kaedah kajian kes yang mempunyai ciri yang sedemikian rupa adalah menepati keperluan proses dalam reka bentuk kajian ini. Di mana pelbagai sumber data dan maklumat yang terlibat dengan proses penggunaan strategi pengajaran, menjadi sumber untuk menyokong kefahaman tentang proses yang berlaku dalam bilik darjah.

### **Peringkat-peringkat Pemerolehan Data Kajian**

Pengkaji telah membahagikan kajian ini kepada dua peringkat utama. Peringkat pertama telah melibatkan pemerhatian sesi pengajaran dan pembelajaran. Pemerhatian pengajaran yang telah dilakukan ini bertujuan untuk merakamkan penggunaan strategi pengajaran oleh pensyarah ketika menyampaikan isi kandungan komponen TMK yang telah dirancang terlebih dahulu pada awal semester berdasarkan sukatan pelajaran Pengurusan Sumber, KPLI.

Pemilihan peserta utama kajian telah dibuat dalam kalangan pensyarah. Mereka yang memenuhi beberapa kriteria seperti sedang mengajar kursus Pengurusan Sumber, KPLI, dan berpengalaman mengajar teknologi dalam pendidikan di institut perguruan sekurang-kurangnya lima tahun adalah kriteria yang mesti dipenuhi. Kriteria ini dijadikan sebagai syarat untuk memilih peserta kajian. Pengalaman bekerja pensyarah-pensyarah yang telah dipilih sebagai peserta kajian telah dikenal pasti melalui Ketua Jabatan, Jabatan Teknologi Pendidikan. Kriteria ini menjadi petunjuk bahawa peserta kajian mempunyai pengalaman sebagai pensyarah dalam bidang mereka. Mereka adalah individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran tentang pengajaran menggunakan teknologi dalam program pendidikan guru. Seterusnya mereka membenarkan pengajarannya untuk dirakam ketika perhatian dilakukan, dan bersetuju untuk bekerjasama sepanjang kajian ini dijalankan.

Pemerhatian pembelajaran guru pelatih pula telah dilakukan dengan bertujuan untuk merakamkan keadaan persekitaran pembelajaran isi kandungan komponen TMK yang terdapat dalam sukatan yang dikaji. Aspek-aspek lain yang turut menjadi fokus kepada pemerhatian pembelajaran adalah tentang tingkah laku, tumpuan dan perhatian yang diberikan oleh guru pelatih terhadap sesi pengajaran yang telah dirakam.

Pengkaji telah menjalankan pemerhatian antara satu hingga dua jam seminggu selama antara lima hingga tujuh minggu pada semester pertama dan antara tiga hingga empat minggu pada semester kedua. Oleh kerana kajian ini mengandungi empat peserta iaitu tiga orang pensyarah dan seorang ketua jabatan maka, pemerhatian ke atas semua peserta telah dilakukan, kecuali ke atas ketua jabatan. Peserta yang telah dikenal pasti sebagai ketua jabatan itu dipilih untuk tujuan memperoleh data tentang pengurusan jabatan dan syarat pengajaran dan pembelajaran komponen TMK. Jadual



pemerhatian dicatatkan dalam subtajuk pemerhatian sebagai salah satu teknik pengumpulan data.

Peringkat kedua merupakan peringkat temu bual. Pengkaji telah membahagikan temu bual kepada dua kategori iaitu temu bual dengan pensyarah dan temu bual dengan guru pelatih. Temu bual telah dilakukan dengan pensyarah sebagai peserta-peserta utama kajian. Temu bual dengan pensyarah yang dipilih adalah untuk mendapatkan maklumat yang mendalam dan terperinci tentang kaedah dan strategi pengajaran yang telah digunakan dalam sesi pengajaran mereka. Dalam setiap temu bual yang telah dikendalikan, peserta kajian telah diajukan dengan soalan-soalan berkaitan dengan sukatan pelajaran Pengurusan Sumber, KPLI, seperti; matlamat, objektif, isi kandungan, kaedah dan strategi pengajaran yang mereka lakukan. Soalan penting berkaitan keadaan syarat-syarat pengajaran (*conditions of instruction*) juga telah diajukan dalam temu bual tersebut. Dengan menggunakan protokol temu bual yang mengandungi soalan-soalan yang relevan sebagai pemangkin, penggunaan strategi pengajaran komponen TMK, pengkaji telah menyelidiki perkara-perkara yang berkaitan dengan lebih mendalam.

Semasa sesi temu bual, pengkaji meminta peserta kajian untuk memberikan pandangan dan pendapat terhadap setiap langkah yang dipilih dalam pengajaran. Langkah ini telah membolehkan peserta melahirkan pandangan dan perasaan mereka secara lisan dan spontan yang akhirnya membolehkan pengkaji melihat dengan mendalam untuk menjelaskan corak nilai, konsep dan kepercayaan peserta yang tidak dapat dilihat secara langsung (Anderson, 1999).

Temu bual kumpulan fokus secara berstruktur dengan guru pelatih telah dilakukan selepas mengikuti sesi pengajaran. Penyelidik telah memilih antara tiga hingga lima orang guru pelatih melalui satu sistem saringan. Penyaringan tersebut

telah dibuat bertujuan untuk memperoleh anggota kumpulan fokus yang informatif. Temu bual ini telah membolehkan pengkaji mendapat maklumat yang lebih lanjut tentang pengalaman pembelajaran guru pelatih dalam sesi pengajaran komponen TMK oleh pensyarah mereka.

Dalam temu bual tersebut guru pelatih yang telah menganggotai kumpulan fokus telah diajukan dengan pertanyaan berkaitan dengan persekitaran pembelajaran, isi kandungan pelajaran TMK yang mereka ikuti, dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran mereka. Sebanyak lima soalan penting berkaitan persekitaran pembelajaran (*learning environment*) telah diajukan dalam semua temu bual yang dilakukan dengan kumpulan fokus. Penggunaan protokol temu bual seperti di Lampiran 6, yang mengandungi soalan-soalan yang relevan untuk mengesan guru pelatih telah mempelajari sesuatu isi pelajaran telah dilaksanakan. Menguasai *verbal information, intellectual skills, cognitive strategies, attitudes* dan *motor skills* oleh Gagn  (1985) berkaitan komponen TMK, telah diselidiki dalam temu bual ini. Maklumat lanjut berkaitan dengan temu bual seperti tempoh, bilangan, kekerapan, tatacara dan kandungannya dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian temu bual sebagai salah satu daripada cara pengumpulan data.

Selepas setiap temu bual selesai dijalankan, *cross-referencing* untuk melihat ketekalan maklumat telah dilakukan. Beberapa soalan yang berupa pernyataan sikap, pendapat dan pandangan mereka terhadap soalan yang telah dibincangkan semasa temu bual yang terdahulu, telah dikemukakan semula. Dengan mencungkil semula apa yang telah diberikan kepada pengkaji semasa sesi temu bual, pengkaji memperoleh kesahan serta kebolehpercayaan data kajian dengan lebih kukuh.

Apabila pengkaji mengesan terdapat percanggahan maklumat berlaku, pengkaji melakukan *triangulation* untuk memastikan ketekalan maklumat wujud.

Contohnya, dalam mengesahkan latar belakang akademik pelajar yang bercangah dengan pandangan peserta yang mengatakan pelajar KLPI ada yang tidak pernah menggunakan tetikus komputer. Pengkaji telah menyemak dan menganalisis rekod peribadi peserta kumpulan fokus berkenaan, ternyata terdapat pelajar yang tidak pernah didedahkan dengan kemahiran TMK sepanjang dalam pengajian mereka (AD05-03-FG02).

Cara yang telah digunakan dalam triangulasi ini termasuk *cross-check information*, *member checks*, dan *peer examination (debriefing)* seperti yang disarankan oleh Merriam (2001). Contoh yang telah dilakukan oleh pengkaji dalam hal ini ialah dengan membuat semakan silang antara rekod pelajar dengan transkrip temu bual peserta (PY02). Langkah ini telah dilakukan bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lengkap tentang pemboleh ubah yang dikaji.

Catatan lapangan secara bertulis oleh pengkaji dan rakaman audio visual juga telah dibuat sepanjang siri pemerhatian. Langkah ini bertujuan merakamkan kesemua reaksi dan maklum balas daripada peserta kajian sama ada dalam bentuk lisan mahupun bukan lisan. Rakaman video ini telah ditranskripsikan dan dianalisis sebaik sahaja selepas setiap pemerhatian selesai dilakukan. Analisis data dalam kajian ini telah dilakukan secara berterusan iaitu bermula daripada pertama kali pengkaji berada di lapangan kajian sehinggalah data kajian dirumuskan dan ditulis sebagai laporan kajian.

Jumlah bilangan temu bual untuk setiap pensyarah yang menjadi peserta kajian ini telah dibuat berdasarkan kepada tahap ketepuan data yang diperoleh. Apa yang telah dilakukan pengkaji telah melakukan temu bual selepas pemerhatian pengajaran bagi setiap peserta. Pengkaji telah menemu bual peserta tidak melebihi 60 minit, seperti yang disarankan oleh Gay, dan Airasian (2003), yang menyatakan

bahawa tempoh satu temu bual boleh jadi sebentar ataupun lama bergantung kepada situasi, di mana beliau mencadangkan agar temu bual yang dibuat harus tidak melebihi 60 minit.

### **Lokasi dan Sempadan Kajian**

Pemilihan lokasi kajian merupakan aspek penting yang memerlukan perhatian supaya matlamat kajian tercapai. Pengkaji telah menggunakan cadangan Schofield (2000). Pengkaji telah membuat pemilihan lokasi kajian berdasarkan ciri *typicality* tempat yang dikaji sesuai dengan kajian yang telah dilakukan. Kajian ini telah mengambil kira beberapa pertimbangan seperti lokasi yang mudah, tidak kompleks dan menjimatkan masa.

Setelah pengkaji menentukan lokasi kajian beberapa langkah lain telah dilakukan. Langkah itu dilakukan bertujuan untuk memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Lokasi kajian atau *site* yang telah dipilih adalah berdasarkan *typicality* sesebuah institut perguruan. Menurut Schofield (2000), memilih lokasi kajian berdasarkan *typicality* sesuatu tempat yang dikaji boleh mempertingkatkan *generalizability* walaupun itu bukan suatu yang wajib.

*In sum , the point of my arguement here is that choosing a site for research on the basis of typicality is far more likely to enhance the potential generalizability of one's study than choosing on the basis of convenience or ease of access – criteria that often weigh more heavily than they should (Schofield, 2000, h.79).*

Pemilihan lokasi seperti yang telah disarankan oleh Schofield (2000) itu, telah diamalkan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini seperti tidak mendapat kerjasama daripada pihak institut dan jarak yang terlalu jauh. Dengan yang demikian sebuah institut perguruan dalam Lembah Kelang telah dijadikan sebagai lokasi kajian. Institut perguruan ini telah melatih guru sejak tahun 1992 setelah berpindah dari

kampus lamanya di ibu kota. Ia dilengkapi dengan kemudahan prasarana latihan guru dan infrastruktur TMK dengan sumber tenaga pensyarah yang mencukupi untuk melaksanakan program KPLI dan program-program lain.

### **Institut Perguruan Lembah Kelang**

Institut Perguruan Lembah Kelang (IPLK – nama samaran) adalah sebuah institut pendidikan guru yang terletak di zon tengah semenanjung Malaysia. Selain daripada institut ini terdapat lima institut pendidikan guru lain dalam zon ini yang mempunyai beberapa ciri persamaan. Oleh sebab kedudukan kampus institut ini terletak dalam sebuah bandar baru maka dari segi perhubungan jalan raya adalah sangat maju dengan berbagai-bagai kemudahan sosial dan ekonomi. Dalam kampus menempatkan semua kemudahan bagi sebuah institut latihan guru. Terdapat blok pentadbiran, dewan kuliah, dewan besar, perpustakaan, masjid, lima blok asrama kediaman, kuarters pensyarah dan kakitangan pengurusan, serta stadium mini untuk menjalankan aktiviti sukan dan riadah.

Di sekitar kampus IPLK terdapat banyak institut latihan yang dimiliki oleh syarikat swasta seperti bank-bank perdagangan, dan badan-badan berkanun, untuk tujuan latihan sumber manusia syarikat masing-masing. Terdapat beberapa taman perumahan mengelilingi institut ini yang menyediakan tempat tinggal untuk guru pelatih yang belajar di IPLK, di samping itu terdapat juga perkampungan tradisi. Wujudnya kawasan perindustrian di sekitar IPLK telah mendedahkan guru pelatih kepada berbagai-bagai kemudahan asas yang terdapat dalam persekitaran masyarakat bandar.

IPLK mempunyai populasi guru pelatih hampir 700 orang tidak termasuk pelajar Kursus Dalam Cuti. Institut ini menawarkan kursus-kursus perguruan seperti

KDPM – Kursus Diploma Perguruan Malaysia. Kursus ini memakan masa selama lapan semester untuk diselesaikan. Struktur kurikulumnya mengandungi lima kategori bidang. Syarat asas untuk mengikuti kursus ini ialah lulus SPM dengan kepujian yang baik dalam mata pelajaran pengkhususan yang dipilih semasa membuat permohonan. Pada masa ini terdapat sebanyak 5 kumpulan KDP yang sedang membuat pengkhususan dalam bidang Bahasa Arab, Pengajian Islam, Matematik, dan Pengajian Melayu.

Satu program baru iaitu Program Pra Ijazah Sarjana muda Perguruan (PPISMP) telah diperkenalkan pada tahun 2004. Pada masa kini pelajar kumpulan pertama ini sedang berada dalam semester ketiga daripada tiga semester. Selepas menamatkan program PPISMP, pelajar yang lulus akan meneruskan pengajian ke peringkat ijazah iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Guru pelatih kursus perguruan ini perlu menamatkan pengajian mereka dalam masa lapan semester sebelum mereka dianugerahkan ijazah perguruan. Pengambilan calon guru pelatih untuk mengikuti program ini adalah dari kalangan pelajar lulusan SPM yang cemerlang dari segi akademik dan kokurikulum.

Selain daripada KDPM, dan PPISMP, IPLK juga mengendalikan program KPLI. Kursus ini telah dikendalikan oleh IPLK sejak ia diperkenalkan oleh KPM pada 1985 di institut perguruan. Guru-guru pelatih KPLI adalah terdiri daripada siswazah yang memiliki ijazah pertama dalam berbagai-bagai bidang. Untuk membolehkan mereka mengikuti kursus ini, calon-calon guru perlu menduduki peperiksaan atau ujian kelayakan pendidikan guru. Selepas lulus ujian tersebut calon akan dipanggil untuk menghadiri temu duga lisan. Calon-calon temu duga yang menunjukkan potensi tinggi untuk menjadi pendidik akan ditawarkan untuk mengikuti kursus perguruan tersebut. Kursus ini mengambil masa selama dua semester dengan

struktur kursus seperti dalam Jadual 2.1. Calon-calun perlu menamatkan 39 jam kredit dan lulus peperiksaan akhir sebelum layak dianugerahkan Diploma Pendidikan.

IPLK juga menyediakan kursus-kursus lain untuk guru-guru terlatih yang sedang berkhidmat. Contohnya seperti Kursus Sijil Perguruan Khas (KSPK). KSPK adalah satu jenis Kursus Dalam Perkhidmatan (KDP) yang mempunyai jangka masa kursus selama satu tahun. Kursus ini adalah untuk guru-guru memperoleh pengetahuan dan kemahiran khas dalam bidang pengkhususan mereka. Di IPLK pengkhususan yang ditawarkan ialah Bahasa Arab dan Pengajian Al-Quran. Kursus selama dua semester ini adalah secara sepenuh masa dan peserta diberi elaun tertentu sepanjang mereka berkursus.

Seorang Pengarah dan seorang Timbalan Pengarah mentadbir perjalanan seluruh operasi program pendidikan guru di IPLK. Terdapat seramai 161 orang kakitangan institut yang boleh dibahagikan kepada dua iaitu staf pengurusan, dan staf akademik. Dari segi pelaksanaan semua program yang dikendalikan oleh IPLK terdapat sebanyak sebelas jabatan yang beroperasi melaksanakan kurikulum program pendidikan guru. Jabatan-jabatan tersebut ialah: Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Jabatan Al-Quran dan Sunnah, Jabatan Bahasa Arah, Jabatan Bahasa Melayu dan Inggeris, Jabatan Teknologi Pendidikan, Jabatan Kajian Sosial, Jabatan Sains dan Matematik, dan Jabatan Pendidikan Jasmani. Seorang Ketua Jabatan mengetuai setiap jabatan, dan mereka menganggotai Majlis Permuafakatan Pengurusan Pentadbiran institut yang menjadi peneraju seluruh aktiviti institut.

Bagi mengelakkan masalah-masalah yang tidak diingini timbul, pengkaji telah memulakan kerja penyelidikan ke tapak kajian dengan lebih awal dengan membina hubungan baik dengan individu-individu yang terdapat di lokasi kajian. Untuk

memastikan tujuan itu dapat dicapai, satu siri lawatan ke beberapa buah institut yang telah dikenal pasti telah dilakukan. Hasil daripada siri lawatan ke tiga buah institut perguruan di zon tengah semenanjung Malaysia, satu institut perguruan telah dipilih sebagai lokasi kajian. Di lokasi kajian ini, pengkaji telah memilih **empat** peserta yang paling tepat dengan kriteria pemilihan peserta. Di samping itu, pengkaji juga telah membentuk kumpulan fokus yang terdiri daripada 3 hingga 5 orang guru pelatih. Pemilihan peserta untuk membentuk kumpulan fokus adalah di kalangan guru-guru pelatih yang mengikuti sesi pengajaran oleh pensyarah yang telah dipilih untuk pemerhatian.

Pengkaji telah menentukan sempadan kajian dengan berpandukan kepada pendapat Miles dan Huberman (1984). Menurut Miles dan Huberman, parameter yang sesuai digunakan untuk menentukan sempadan kajian terdiri daripada empat ukuran; *the setting* iaitu tempat kajian, *the actors* iaitu siapa yang akan diperhatikan dan ditemu bual, *the events* iaitu perkara yang akan diperhatikan dan menjadi fokus temu bual, dan *the process* iaitu peristiwa atau perkara yang dilakukan oleh aktor atau peserta.

Oleh yang demikian, pengkaji telah memilih *setting* di institut perguruan yang mengendalikan sukatan pelajaran Pengurusan Sumber, KPLI, di mana pensyarah-pensyarah TMK yang melaksanakan pengajaran sebagai aktor, dan guru pelatih yang mengikuti pengajaran pensyarah, dan hasil pengajaran dan pembelajaran merupakan *event* yang diperhatikan dan menjadi tumpuan kajian ini.



## Peserta Kajian

### Pensyarah

Pengkaji telah memilih peserta utama kajian dari kalangan pensyarah yang mengajar komponen TMK, sukatan pelajaran Pengurusan Sumber, KPLI. Peserta kajian telah menyatakan pemikiran dan pandangan mereka sendiri terhadap aspek yang menjadi tumpuan kajian. Oleh yang demikian pemilihan peserta adalah dalam kalangan pensyarah yang boleh memberikan kerjasama bagi menyumbangkan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji. Kriteria-kriteria yang telah dinyatakan oleh Miles dan Huberman (1994), dan Anderson (1999), telah menjadi panduan dalam memilih peserta kajian. Ciri *intensity* peserta yang kaya-maklumat dan dapat menzahirkan kehebatan sesuatu fenomena tetapi tidak keterlaluan, adalah kriteria pemilihan peserta (Miles & Huberman, 1994). Justeru, pengkaji telah memilih empat peserta kajian yang menepati kriteria yang telah digariskan itu.

Berdasarkan kriteria peserta yang telah dinyatakan, pengkaji telah membuat pensampelan yang cenderung kepada pemilihan peserta secara khusus atau *purposive sampling*. Pengkaji memilih sampel kajian secara sedemikian rupa kerana peserta yang telah dipilih merupakan individu yang melaksanakan pengajaran berdasarkan sukatan Pengurusan Sumber, dan mempunyai maklumat yang lengkap tentang isi kandungan sukatan, persekitaran pengajaran, dan masalah-masalah yang mungkin dihadapi dalam melaksanakan pengajaran. Mereka juga mengetahui banyak perkara tentang keperluan sukatan dan juga perkembangan teknologi dalam pendidikan yang berlaku di dalam dan luar institut. Seramai empat orang peserta kajian terlibat, iaitu tiga orang pensyarah yang mengajar komponen TMK dan seorang ketua jabatan teknologi pendidikan telah dipilih sebagai peserta kajian.

Bagi mengenal pasti bagaimana kaedah dan strategi pengajaran komponen TMK digunakan, pemilihan peserta ini adalah berdasarkan kepada ia adalah seorang pensyarah yang sedang mengajar komponen TMK menggunakan sukatan pelajaran Pengurusan Sumber, KPLI, dan berpengalaman mengajar TMK di institut perguruan. Mereka telah memberi persetujuan untuk memberi maklumat kepada pengkaji tentang pengalaman mereka.

Jadual 3. 2  
Senarai Peserta kajian dan pengalaman mengajar di institut perguruan

<b>Nama</b>	<b>Jantina</b>	<b>Pengalaman Mengajar (Tahun)</b>	<b>Pengalaman Berkhidmat di institut perguruan</b>
Zainab	P	29	22
Lim	L	25	17
Farah	P	20	5
Rahimah	P	20	5

### **Kumpulan Fokus**

Pengkaji telah mewujudkan 3 kumpulan fokus untuk memperoleh data dan maklumat dari kalangan guru pelatih, walaupun pada peringkat awalnya pengkaji mengendalikan sebanyak 5 kumpulan. Pengkaji memberi tumpuan kepada tiga kumpulan sahaja adalah disebabkan faktor kekangan masa untuk penyelidikan menguruskan data, dan padatnya jadual waktu kursus pelajar. Seramai tiga hingga lima orang guru pelatih telah dipilih sebagai ahli untuk menganggotai satu kumpulan fokus dalam lokasi kajian. Pengkaji telah memilih tiga hingga lima peserta berdasarkan beberapa kriteria penting. Oleh kerana peserta kajian akan menyatakan pemikiran dan pandangan mereka sendiri terhadap aspek yang menjadi tumpuan kajian, peserta kajian yang boleh memberikan kerjasama dengan memberi maklumat yang diinginkan sahaja yang telah dipilih. Walau bagaimanapun, pensampelan kajian telah berkisar, atau berubah ansur, apabila pengkaji memulakan kajian di lapangan,

seperti pernyataan Miles, dan Huberman (1994). Pengalaman pengkaji dalam memperoleh data menunjukkan bahawa, apabila seseorang peserta yang telah dipilih untuk menyertai kajian, tetapi didapati tidak dapat menyumbangkan kepada apa yang diperlukan oleh pengkaji, maka ia telah digugurkan (FN050815). Walau bagaimanapun peserta yang tidak menyumbang kepada perkara yang diperlukan tidak diganti dengan guru pelatih yang lain kerana peserta lain telah diperoleh dari kalangan ahli kumpulan fokus yang telah dibentuk. Dalam hal ini panduan yang diberikan oleh Spradley (1979) juga telah diberi perhatian dan dijadikan panduan dalam memilih peserta kajian.

Beberapa ciri-ciri lain yang turut dipertimbangkan dalam membuat pemilihan peserta dalam kumpulan fokus kajian adalah berkebolehan memberi maklumat dan berkomunikasi dengan baik, bertanggungjawab, dan bersedia untuk turut serta dan memberi kerjasama sepanjang kajian. Untuk memilih peserta kajian, pengkaji telah merujuk kepada senarai nama guru pelatih Kumpulan KPLI Semester 1. Pengkaji juga mendapatkan maklumat lanjut tentang setiap guru pelatih daripada pensyarah mereka, serta merujuk kepada Kad Maklumat Pelajar. Daripada maklumat yang telah diberikan oleh pensyarah mereka, guru pelatih telah dikategorikan kepada tiga kumpulan, iaitu guru pelatih yang mempunyai keutamaan tinggi, sederhana dan rendah. Guru pelatih dalam kategori keutamaan tinggi sahaja akan dipilih menganggotai kumpulan fokus. Selain daripada maklum balas daripada pensyarah mereka, maklum balas secara spontan yang diberikan oleh guru pelatih apabila diajukan beberapa soalan untuk menguji kemampuan guru pelatih menyumbang maklumat, juga dipertimbangkan dalam memilih peserta kumpulan fokus. Mereka telah menjadi peserta utama (*key informants*) dalam kumpulan fokus.

## Pemerolehan Data

Kajian ini telah memperoleh data melalui sekurang-kurangnya empat teknik yang berlainan iaitu pemerhatian, temu bual, catatan lapangan, dan analisis dokumen. Bahagian ini akan membincangkan tentang bagaimana teknik pemerhatian dilaksanakan dan juga bagaimana teknik temu bual harus dijalankan.

### Pemerhatian

Pemerhatian merupakan salah satu kaedah untuk memperoleh data dalam penyelidikan tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Keistimewaan kaedah ini ialah keupayaannya memberi gambaran yang menyeluruh tentang proses pengajaran dan hasil pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah. Menurut Silverman (2001), melalui pemerhatian *firsthand information* berkaitan hasil interaksi sosial dalam konteks apa yang sebenarnya berlaku, boleh diperolehi. Merriam (2001) pula berpendapat, pemerhatian boleh memberi gambaran yang lebih holistik apabila kajian itu disokong oleh data kualitatif lain seperti temu bual.

Penyelidik telah melakukan proses pemerolehan data melalui pemerhatian ini dengan merakam proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan kamera video digital. Proses merakam pengajaran tersebut dimulakan dari permulaan pengajaran sehingga sesuatu sesi pengajaran itu selesai dilaksanakan. Tujuan kamera video digunakan adalah untuk merakamkan sebanyak mungkin insiden-insiden yang berlaku sepanjang pengajaran dilaksanakan. Secara tidak langsung gambaran tentang persekitaran pengajaran, syarat-syarat pengajaran, strategi dan hasil pengajaran diperolehi dalam bentuk visual yang mana ia lebih mudah untuk dianalisis dan ditafsirkan.

Kajian ini telah menggunakan tajuk-tajuk pengajaran berikut dari komponen TMK, sukatan pelajaran Pengurusan Sumber, KPLI untuk tujuan kajian. Pemerhatian yang telah dilaksanakan melibatkan tema-tema seperti berikut;

- Pengenalan kepada Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pendidikan
- Penggunaan Integrasi Perisian Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran
- Perisian Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer
- Internet dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Tumpuan pemerhatian pengajaran dan pembelajaran adalah kepada bagaimana pensyarah menggunakan strategi untuk menyampaikan isi kandungan komponen TMK. Aspek lain yang terlibat dengan kaedah pengajaran seperti matlamat pengajaran, halangan-halangan dan ciri-ciri guru pelatih yang mengikuti sesi pengajaran, juga telah diteliti, yang juga menjadi turut menjadi fokus kajian.

Menurut Reigeluth (1983), sesuatu pengajaran akan menjadi cekap dan berkesan apabila guru melaksanakan pengajaran berpandukan reka bentuk yang bersifat preskriptif. Untuk mengenal pasti sesuatu pengajaran itu cekap dan berkesan, pengkaji telah mengkaji hasil pengajaran yang telah disempurnakan oleh pensyarah. Hasil pengajaran yang telah dijalankan itu boleh dilihat keberkesanannya dengan meneliti hasil pembelajaran yang berlaku ke atas diri pelajar. Justeru, hasil pembelajaran guru pelatih menjadi fokus penting kajian ini.

Hasil pembelajaran komponen TMK turut menjadi aspek yang diberi tumpuan dalam kajian ini. Hasil pembelajaran yang berlaku hasil daripada pengajaran tajuk-tajuk pelajaran dalam komponen tersebut telah dikaji menggunakan kerangka teori pembelajaran Gagné (1977). Tumpuannya adalah kepada penguasaan *verbal*

*information, intellectual skills, cognitive strategies, attitudes* dan *motor skills* seperti yang dijelaskan oleh Aronson, dan Briggs (1983), sebagai *varieties of learning*. Sarjana lain turut membincangkan hasil pengajaran seperti di Jadual 2.2.

Pengkaji telah membuat pemerhatian mengikut tajuk-tajuk komponen TMK, yang terdapat di dalam sukatan pelajaran Pengurusan Sumber, KPLI. Tajuk-tajuk pengajaran adalah berkaitan dengan;

- 1.1. Konsep Asas Teknologi Maklumat dalam Pendidikan
- 1.2. Asas Sistem Komputer
- 1.3. Sistem Operasi
- 2.1. Pemproses perkataan
- 2.2. Persembahan Elektronik
- 2.3. Hampan Elektronik
- 2.4. Pangkalan Data
- 3.1. Perisian Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer
- 3.2. Klasifikasi Paradigma Jenis-jenis Pembelajaran
- 3.3. Memilih dan menilai perisian PPBK (Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer).
- 3.4. Menggunakan perisian PPBK dalam pengajaran mikro
- 3.5. Pengenalan kepada pembinaan perisian kursus.
- 4.1. Pengenalan kepada Internet
- 4.2. Perkhidmatan Internet Asas
- 4.3. Kemahiran mencari maklumat
- 4.4. Membina laman web
- 4.5. Aplikasi Pengajaran yang disokong oleh Internet

Pengkaji telah melakukan proses pemerolehan data untuk mendapatkan maklumat berkaitan penggunaan strategi pengajaran dengan menggunakan teknik pemerhatian tidak turut serta atau *non participant observer* (Gay & Airasian, 2003). Pengkaji telah berperanan sebagai *external* serta tidak terlibat dalam hasil pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji telah berperanan sebagai pemerhati dan merakam peristiwa yang berlaku di dalam proses pengajaran. Tiada sebarang campur tangan

dari pengkaji sepanjang pemerhatian dijalankan. Pemerhatian pengkaji sebagai *external*, telah dilakukan dengan cara terbaik yang dicadangkan oleh Cohen dan Manion (1989) dalam pemerhatian apabila kajian tentang hasil pengajaran dan pembelajaran bilik kuliah dilakukan, iaitu dengan duduk di belakang kelas dan merekodkan perkara yang menjadi tumpuan kajian.

Untuk mengelakkan masalah ketidaklengkapan maklumat, pengkaji telah merakamkan peristiwa secara audio visual dengan menggunakan kamera video digital, tentang penggunaan strategi pengajaran dan juga hasil pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah. Pengkaji juga membuat catatan lapangan semasa pemerhatian yang bertujuan untuk memastikan maklumat yang dikutip lebih lengkap. Merakam hasil pengajaran dan pembelajaran secara audio visual dalam bilik darjah, telah membolehkan pengkaji merujuk semula rakaman audio visual tersebut untuk mengesahkan maklumat daripada catatan lapangan. Melalui rakaman audio visual Silverman (2001) menyatakan, rakaman sedemikian membolehkan pengkaji dapat memahami bagaimana peserta kajian mengorganisasikan percakapan dan pergerakan badan mereka, di mana gambaran tersebut tidak mungkin boleh diperolehi melalui rakaman audio dan catatan lapangan sahaja.

Pengkaji telah mendapatkan persetujuan daripada pihak pentadbir institut dan pensyarah serta guru pelatih yang terlibat dalam kajian ini seperti di Lampiran 6, Lampiran 7, dan Lampiran 8. Peserta kajian telah menandatangani satu surat persetujuan untuk menjadi peserta sepanjang kajian ini dijalankan. Selepas persetujuan diperolehi maka pemerhatian dalam kelas terus dimulakan. Pengkaji sebagai pemerhati luar telah mengelakkan diri dari mempengaruhi keadaan semula jadi bilik darjah di peringkat awal kemunculannya di situ. Walaupun gangguan-

gangguan telah berlaku dan mempengaruhi situasi semula jadi bilik kuliah yang dikaji, namun untuk mengelakkan gangguan daripada terus berlaku, pengkaji telah berada dalam bilik darjah untuk beberapa kali terlebih dahulu, sebelum pemerhatian sebenar dilakukan. Tindakan ini telah dapat mengekalkan keadaan semula jadi semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Setiap pemerhatian telah mengambil masa kira-kira 60 minit iaitu jangka masa yang standard untuk satu sesi pengajaran dan pembelajaran tajuk-tajuk dalam komponen TMK sukatan tersebut. Pemerhatian telah dilakukan antara satu hingga dua kali seminggu untuk seorang peserta yang terlibat dalam kajian. Terdapat empat peserta kajian, tiga orang pensyarah dan seorang ketua jabatan telah dipilih daripada lokasi kajian. Daripada empat peserta kajian, tiga orang peserta terlibat sebagai peserta kajian utama untuk diperhatikan pengajaran mereka, maka pemerhatian yang telah dapat dirakam adalah sebanyak sembilan kali sahaja (Jadual 3.3).

Pemerhatian pengajaran ini dilaksanakan berdasarkan maklumat yang terdapat dalam struktur sukatan pelajaran Pengurusan Sumber, KPLI, dan juga jadual waktu persendirian pengajaran peserta. Walau bagaimanapun, bilangan pemerhatian bagi seorang peserta kajian berbeza antara satu sama disebabkan oleh keadaan semasa yang berlaku di institut perguruan. Begitu juga faktor ketepuan data (*saturation of data*) juga telah mempengaruhi bilangan pemerhatian pengajaran dan pembelajaran yang telah dilakukan. Apabila pengkaji mendapati data dan maklumat yang dikutip telah mencapai tahap tepu, maka pemerhatian ditamatkan. Pemerhatian adalah dikira mencukupi apabila pengkaji berpuas hati dengan data yang telah dikutip.

Pengkaji telah meletakkan alat rakaman kamera video di satu lokasi yang strategik dari segi jarak dan kedudukan untuk membolehkan rakaman sesi pengajaran dan pembelajaran ini dapat dibuat dengan sempurna. Penggunaan alat perakam



kamera video didapati telah mengakibatkan suasana pengajaran dan pembelajaran tidak natural. Untuk mengatasi masalah ini, pengkaji telah memaklumkan kepada kumpulan KPLI yang terlibat dengan kajian ini, tentang tujuan rakaman audio visual di dalam bilik darjah itu dilakukan. Dengan memaklumkan tujuan rakaman itu dibuat, maka mereka merasa selesa untuk melalui proses pengajaran dan pembelajaran walaupun dengan adanya rakaman berlaku di sekitar bilik darjah mereka.

### Jadual 3.3

Peserta dan kumpulan fokus dalam pemerhatian pengajaran dan pembelajaran.

Bil	Tarikh	Pemerhatian PnP
1	FN050919	<b>PnP01:</b> Pemerhatian Bilik Darjah (F) 11.30 – 12.30 : MK 1 Pemerhatian Bilik Darjah (L) 3.30 – 4.30 : MK 3
2	FN050920	<b>PnP02:</b> Pemerhatian Bilik Darjah (R) 8.00 – 9.00 : MK 1
3	FN050921	<b>PnP03:</b> Pemerhatian Bilik Darjah (L) 10.00 – 11.00 : MK 3
4	FN050922	<b>PnP04:</b> Pemerhatian Bilik Darjah (R) 10.00 – 11.00 : MK Mimos <b>PnP05:</b> Pemerhatian Bilik Darjah (F) 11.30 – 12.30 : MK1
5	FN050923	<b>PnP06:</b> Pemerhatian Bilik Darjah (L) 8.00 – 9.00 : MK 1 <b>PnP07:</b> Pemerhatian Bilik Darjah (F) 9.00 – 10.00 MK 1
6	FN050926	<b>PnP08:</b> Pemerhatian Bilik Darjah (L) 2.30 – 3.30 MK 3 3.30 – 4.30 MK 3
7	FN050928	<b>PnP09:</b> Pemerhatian Bilik Darjah (F) 8.00 – 9.00 : MK 3
8	FN050929	<b>PnP10:</b> Pemerhatian Bilik Darjah (L) 8.00 – 9.00 : MK 1
9	FN051003	<b>PnP11:</b> Pemerhatian Bilik Darjah (L) 11.30 – 1.30 : MK 3
10	FN051005	<b>PnP12:</b> Pemerhatian Bilik Darjah (F) (R) 8.00 – 9.00 : MK 1 10.00 – 11.00 : MK 1
11	FN051006	<b>PnP13:</b> Pemerhatian Bilik Darjah (R) 10.00 – 11.00 : MK 1 - Temu bual
12	FN051007	Temu bual dengan FG 10.00 -11.00 : MK1

13	FN051014	Temu bual peserta 9,30 – 10.30 pagi Temu bual peserta 11.00 – 12.00 : MK 1
14	FN051017	<b>PnP14:</b> Pemerhatian Bilik Darjah Terakhir (F) 11.30 – 1.30 : MK 1

### Temu Bual

Temu bual merupakan satu lagi teknik pengumpulan data yang telah dilakukan dalam kajian ini. Teknik ini digunakan sebagai kaedah memperoleh data kerana temu bual membolehkan pengkaji memperoleh maklumat penting yang tidak boleh diperolehi melalui pemerhatian (Gay, & Airasian, 2003), dan ini telah membolehkan pengkaji meneroka dan mengkaji maklum balas peserta dengan lebih mendalam tentang pengalaman dan perasaan mereka. Menurut Gay, dan Airasian, (2003) lagi, temu bual juga berupaya untuk ... *examine attitudes, interests, feelings, concerns, and values more easily than using observation*. Wragg, (1994), pula berpendapat teknik temu bual dapat mendedahkan secara eksplisit pandangan peserta kajian. Walaupun terdapat lima jenis temu bual iaitu tidak berstruktur, sebahagian berstruktur, separa berstruktur, berstruktur, dan keseluruhan berstruktur, namun temu bual berstruktur adalah lebih mudah dikendalikan oleh pengkaji ketika mengumpul data kerana temu bual berstruktur mengandungi soalan-soalan yang telah sedia ada untuk digunakan (Gay & Airasian, 2003).

Justeru, pengkaji telah menggunakan temu bual berstruktur seperti Lampiran 5, dan Lampiran 6, untuk memperoleh data sebanyak mungkin bagi mengelakkan kekurangan data apabila proses menganalisis data dilakukan. Dua protokol temu bual yang berbeza telah digunakan untuk peserta yang berlainan. Peserta utama kajian yang terdiri daripada pensyarah menggunakan protokol seperti di Lampiran 5, dan Lampiran 6 telah digunakan untuk temu bual berstruktur untuk kumpulan fokus.

Gay dan Airasian (2003), ada menyarankan supaya pengkaji menentukan lebih awal soalan-soalan dan susunan soalan-soalan yang akan dikemukakan semasa temu bual dengan peserta kajian. Menurut beliau lagi, temu bual berstruktur mempunyai keupayaan memperoleh maklumat yang lebih terperinci daripada peserta kajian. Anderson (1999) juga, turut menjelaskan bahawa temu bual melibatkan hasil yang dinamik di mana penemu bual mengemukakan soalan yang biasanya dipandu oleh satu garis panduan atau protokol. Justeru, kaedah temu bual ini telah digunakan oleh penyelidik untuk meneroka dunia pendidikan ini yang berfokus kepada proses pengajaran dan pembelajaran komponen TMK dalam program pendidikan guru. Malah, bukan sahaja penyelidik menggunakan teknik ini, malah ramai penyelidik lain dalam biang yang berlainan telah menggunakan teknik ini sejak kebelakangan ini dengan lebih teratur. Mereka menggunakan teknik ini dengan berkesan dalam pelbagai keadaan pemerolehan data. Adalah didapati teknik ini telah membantu penyelidik untuk memperoleh data dengan lebih cekap dan berkesan.

### **Pelaksanaan Teknik Temu Bual**

Teknik temu bual dalam kajian ini telah dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, temu bual dengan peserta yang melaksanakan proses pengajaran untuk mengesan penggunaan strategi pengajaran komponen TMK. Ia telah dilakukan selepas tamat sesi pemerhatian sesuatu pengajaran. Oleh yang demikian, setiap peserta kajian telah ditemu bual berkaitan dengan pengajarannya. Temu bual awal hanyalah untuk memperoleh data peribadi peserta kajian. Pengkaji telah menerangkan beberapa perkara berkaitan kajian yang dijalankan seperti matlamat, tujuan, dan prosedur yang digunakan. Peserta kajian juga telah menandatangani surat kesediaan untuk turut serta di samping pengkaji telah membina *rapport* dengan peserta kajian.

Temu bual selanjutnya adalah untuk memahami penggunaan kaedah dan strategi yang digunakan oleh peserta dalam pengajaran mereka. Maklumat tentang syarat-syarat pengajaran seperti matlamat, kekangan pengajaran dan latar belakang guru pelatih, dan sebagainya diperoleh melalui temu bual dengan guru pelatih yang telah dipilih dari kalangan ahli kumpulan fokus. Protokol temu bual telah digunakan sebagai panduan untuk menjalankan temu bual dengan peserta-peserta kajian.

Kedua, teknik temu bual untuk memperoleh maklumat tentang hasil pembelajaran telah dilakukan kepada kumpulan fokus. Kumpulan fokus yang telah dibentuk mempunyai banyak kelebihan untuk menyumbang maklumat tentang proses pengajaran dan pembelajaran yang telah mereka lalui. Berdasarkan kepada *raison d'être* kumpulan fokus, Anderson, (1998) menyatakan ... *focus groups can be used to gather insight, bridge communication, prepare for a larger study, obtain market research data, understand consumers and uncover complex motivations or behaviors.* Dalam kajian ini kumpulan fokus telah diwujudkan untuk menjadi sumber kepada maklumat tentang keperluan, kehendak dan harapan peserta kursus apabila sesebuah organisasi merancang, melaksana, serta berusaha untuk memperbaiki sesuatu program seperti program pendidikan guru.

Kumpulan fokus dalam kajian telah ditemu bual untuk mendapatkan penjelasan dan maklumat mendalam tentang kesan pengajaran yang berlaku ke atas pembelajaran mereka. Menurut Reigeluth (1983) pembelajaran yang berlaku ke atas guru pelatih diistilahkan sebagai *instructional outcomes*. Maklumat tentang hasil pembelajaran mengikut pandangan Gagné (1977), yang diperoleh dari kumpulan fokus didapati telah memberi gambaran yang lebih jelas tentang keberkesanan strategi pengajaran pensyarah. Justeru, saranan atau cadangan untuk membaiki reka bentuk

pengajaran pensyarah untuk menyampaikan komponen TMK dalam KPLI, dapat difahami dengan lebih baik.

### **Prosedur temu bual**

Temu bual yang berkesan bergantung kepada perancangan yang jitu, kemahiran pengkaji menemu bual, kerjasama yang baik dari peserta, dan juga bergantung kepada nasib baik seseorang pengkaji. Untuk memastikan pengkaji dapat menjalankan temu bual dengan berkesan, pengkaji telah mengawal kedua-dua aspek di atas, iaitu dengan menekankan aspek isi kandungan yang ingin diperolehi dan juga hasil pembelajaran peserta yang ditemu bual.

### **Temu Bual Pensyarah**

Dalam temu bual dengan peserta utama kajian, pengkaji dalam konteks ini telah menggunakan strategi yang halus untuk mencungkil pandangan dan pendapat mereka berkaitan kaedah dan strategi yang telah digunakan dalam pengajaran untuk membina interpretasi berdasarkan bahasa yang digunakan oleh peserta, tingkah laku dan konteks. Pengkaji telah mengemukakan beberapa soalan dan peserta kajian telah menjawab menurut pengalaman mereka kerana temu bual ini dapat mencungkil pandangan dan pendapat peribadi peserta, dan tidak melebihi dari 40 minit (Anderson, 1998). Justeru, pengkaji telah menemu bual peserta dalam lingkungan 40 minit, dan yang paling lama adalah satu jam, bergantung pada keselesaan peserta.

Hubungan baik, atau *rapport* telah dibina terlebih dahulu oleh pengkaji sebelum memulakan temu bual. Hasil daripada hubungan yang baik di antara pengkaji dan peserta kajian, maklum balas yang memberangsangkan daripada peserta telah membolehkan pengkaji mengemukakan soalan lanjutan tetapi tetap menjurus kepada

fokus kajian. Banyak maklumat telah diperolehi daripada peserta yang informatif. Penyelidik telah menggunakan berbagai pendekatan ketika mengemukakan soalan. Ini bertujuan untuk memastikan sifat tekal (*consistency*) dan kejituan (*accuracy*) maklum balas peserta wujud, yang kemudiannya menjadi asas kepada kebolehpercayaan data temu bual yang telah diperolehi itu.

Bilangan dan tempoh temu bual dengan setiap peserta dalam kajian ini merujuk kepada syor dan pandangan Seidman (1998). Beliau mengesyorkan agar jarak di antara satu temu bual dengan temu bual yang lain untuk setiap peserta kajian adalah tidak lebih daripada satu minggu. Langkah ini menurut beliau lagi bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta untuk memikirkan dengan teliti akan temu bual tersebut tetapi tidak pula sehingga terputusnya perhubungan di antara pengkaji dan peserta kajian (Seidman, 1998).

Justeru, setiap temu bual dalam proses memperoleh data yang telah dilaksanakan mengambil kira saranan yang telah dicadangkan oleh Seidman itu. Pengkaji telah menggunakan Lampiran 8, untuk meningkatkan keyakinan diri peserta dengan cara peserta menandatangani perjanjian. Dengan demikian peserta lebih bersedia untuk menyertai kajian, dan menunjukkan komitmen yang tinggi sebagai pemberi maklumat. Dokumen ini merupakan satu bentuk perjanjian ringkas untuk melindungi kedua-dua pihak, iaitu peserta dan juga pengkaji.

### **Penyediaan “Setting” Temu Bual**

Penyelidik telah melaksanakan temu bual yang eksklusif, melibatkan hanya pengkaji dan peserta kajian sahaja. Untuk memastikan tiada sebarang gangguan muncul semasa temu bual, pengkaji telah memberi penekanan kepada isu persekitaran temu bual. Ciri persekitaran tersebut haruslah selesa, tertutup, supaya peserta berasa

selamat dengan pengkaji (Seidman, 1998). Keadaan ini telah menjamin perjalanan temu bual berjalan dengan lancar dan teratur. Dengan memastikan keadaan kondusif untuk temu bual itu terpelihara, pengkaji telah membuat perbualan dan perbincangan dengan pihak pentadbir institut di dalam sebuah bilik yang khas dan berasingan iaitu di bilik ketua jabatan.

Alat rakaman audio telah diletakkan di satu lokasi yang strategik dari segi jarak dan kedudukannya untuk membolehkan pengkaji merakam temu bual dengan baik. Kewujudan alat perakam telah menyebabkan peserta pada peringkat awal berasa canggung atau janggal. Walau bagaimanapun, bagi mengatasi masalah kecanggungan atau kejanggalan ini, pengkaji menerangkan kepada peserta cara merakam audio boleh dilakukan. Ginsburg (1997) ada mencadangkan supaya tunjuk cara hasil rakaman diterangkan dan diperlihatkan kepada peserta. Justeru, pengkaji telah menekankan perkara itu dengan peserta utama sebelum temu bual dijalankan. Pengkaji telah mendedahkan kepada peserta tentang kegunaan dan tujuan pemerolehan data, serta pemeliharaan identiti pemberi maklumat. Langkah pengkaji memelihara imej dan identiti peserta dalam rakaman tersebut telah meningkatkan lagi minat peserta untuk turut serta dan memberi maklumat yang cukup banyak kepada pengkaji.

### **Sesi Semasa Temu Bual**

Setelah pengkaji membina *rapport* yang baik dengan peserta proses menemu bual peserta menjadi telah lebih memudahkan. Temu bual pertama hanya berkisar tentang latar belakang peserta dan menerangkan tujuan kajian dan temu bual. Dalam temu bual pertama ini juga, pengkaji telah menerangkan sekali lagi tentang

kandungan kontrak perjanjian kajian seperti yang telah diterangkan dalam bahagian pemilihan peserta kajian.

Sesi temu bual seterusnya, pengkaji telah menggalakkan peserta memberikan penjelasan yang tepat dan panjang lebar. Bagi setiap maklum balas yang telah mereka berikan, pengkaji telah mengajukan soalan tentang perkara-perkara berkaitan pengajaran termasuk perkara-perkara yang menyentuh aspek persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang wujud di dalam bilik kuliah. Aspek tersebut termasuklah perihal kurikulum KPLI, sukatan Pelajaran Pengurusan Sumber, begitu juga dengan ciri-ciri pelajar yang mengikuti pengajarannya. Seterusnya pengkaji telah mengemukakan soalan-soalan berkaitan kaedah dan strategi yang telah digunakan berdasarkan pengajaran yang telah dilaksanakan.

Semasa menjalankan proses temu bual, pengkaji sebagai penemubual sentiasa menghormati setiap maklum balas yang diberikan oleh peserta, walaupun jawapan yang diberikan adalah di luar daripada tujuan kajian, dan tidak seperti yang diharapkan. Pengkaji tetap menunjukkan reaksi yang neutral, ikhlas dan tidak memihak kepada mana-mana pihak. Pengkaji beraksi demikian bertujuan untuk membina persekitaran temu bual yang dapat meyakinkan dan menyelesaikan peserta untuk mengeluarkan pendapat dengan bebas (Cohen, Manion, & Morrison, 2000). Justeru, pengkaji dapat meneroka serta memahami pemikiran dan pengalaman peserta kajian tentang sesuatu kaedah dan strategi yang telah digunakan dalam pengajarannya, dan aspek-aspek lain yang berkaitan dengannya.

Semasa temu bual pengkaji juga telah berperanan sebagai pendengar aktif (Cohen, et al., 2000). Ini bertujuan untuk menumpukan perhatian kepada fakta atau pendapat yang telah disampaikan oleh peserta. Tindakan ini telah membolehkan pengkaji mengesan perkara-perkara yang diperkatakan oleh peserta pada peringkat



awal dan menyolnya pada waktu yang sesuai untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya apabila pengkaji membuat verifikasi sesuatu fakta. Pengkaji juga turut membuat catatan lapangan perbualan tersebut sebagai memenuhi kriteria pendengar aktif dan menumpukan perhatian. Catatan ini adalah untuk menyokong rakaman audio bagi mendapatkan data semasa temu bual. Pengkaji juga telah mengelakkan diri dari mengganggu perbualan.

### **Temu Bual Kumpulan Fokus**

Dalam temu bual dengan kumpulan fokus pula, seramai tiga hingga lima guru pelatih telah dikelompokkan dalam satu kumpulan. Pengkaji telah mewujudkan lima kumpulan fokus di kalangan guru pelatih KPLI dari pengkhususan yang berbeza; KPLI2.01 (Bahasa Arab), KPLI2.02 (Pendidikan Agama Islam), KPLI2.03 (Bimbingan dan Kaunseling), KPLI2.05 (Pendidikan Matematik), KPLI2.08 (Pendidikan Agama Islam). Pemilihan kumpulan fokus ini adalah berdasarkan kumpulan-kumpulan yang telah diajar oleh pensyarah yang menjadi peserta kajian. Kumpulan-kumpulan fokus ini telah ditemu bual dengan mendalam. Terdapat persoalan mengapa temu bual kumpulan fokus dipilih sebagai teknik pengumpulan data. Menurut Anderson (1999), teknik ini menyediakan setting yang natural, relaxed dan selamat di mana setiap individu peserta digalakkan untuk berkongsi pandangan yang positif dan juga negatif. Justeru, pengkaji telah memelihara setting seperti yang disarankan oleh Anderson itu, di bilik mesyuarat sebuah jabatan di institut perguruan yang telah dipilih sebagai lokasi kajian. Bilik mesyuarat tersebut memiliki sofa, meja mesyuarat yang boleh memuatkan 16 orang individu, berhawa dingin, selesa, dan tiada gangguan sepanjang kumpulan fokus tersebut ditemu bual.

Temu bual susulan secara individu dengan ahli dalam kumpulan fokus juga telah dilakukan di tempat berasingan, bergantung kepada guru pelatih itu berada dan bersedia untuk ditemu bual. Temu bual susulan adalah untuk mendapatkan maklumat lanjut yang diperlukan oleh pengkaji seperti di sekolah semasa guru pelatih dalam sesi praktikum.

Sebelum temu bual tersebut dilaksanakan, pengkaji telah membuat lima persiapan penting iaitu; merancang kumpulan fokus, membina panduan / soalan, mengendalikan kumpulan fokus, merakam maklum balas kumpulan fokus, dan kemudiannya menganalisis data, seperti yang disarankan oleh Anderson (1998). Selanjutnya bahagian ini akan membincangkan peringkat-peringkat persiapan yang telah dilakukan oleh pengkaji dalam temu bual tersebut.

### **Perancangan Kumpulan Fokus**

Sebelum temu bual dijalankan beberapa persediaan seperti pemilihan peserta, penyediaan tempat temu bual dan penyediaan masalah telah dibuat lebih awal. Dalam kajian ini, antara lima hingga tujuh orang guru pelatih dalam satu kelas yang terlibat dengan proses pemerhatian pengajaran pensyarah telah dipilih sebagai peserta utama. Ahli-ahli dalam kumpulan fokus tersebut menjadi *key informants* tentang hasil pembelajaran yang telah mereka lalui. Prosedur pemilihan peserta kumpulan fokus yang dipilih adalah seperti yang telah diterangkan dalam sub tajuk reka bentuk kajian di awal bab ini. Rasional memilih bilangan peserta kumpulan fokus seramai lima hingga tujuh orang adalah sebagai langkah untuk meneroka dengan lebih mendalam pembelajaran yang dilalui oleh guru pelatih, di mana mereka sendiri melalui pengalaman pembelajaran selepas melalui pengajaran yang diselidiki. Menurut sarjana, untuk memenuhi tujuan tersebut tiga hingga lima peserta adalah terbaik

(Anderson, 1998). Menurut pandangan sarjana lain, kumpulan fokus yang besar antara enam hingga dua belas akan menghalang setiap peserta untuk menyatakan pandangan, pendapat dan perasaan setiap peserta. Dari segi praktiknya kumpulan yang besar akan menyukarkan pengendalian dalam temu bual kumpulan fokus.

Pengendalian sesi temu bual yang berkesan bergantung kepada kualiti soalan yang dapat memenuhi keperluan kajian. Pengkaji telah melakukan penyediaan yang berkualiti dengan gigih untuk menjamin perkara tersebut. Soalan-soalan yang telah dirancang dengan teliti, telah digubal dan dirujuk kepada pakar dalam bidang teknologi pengajaran, untuk memelihara kesahan bahasa dan kandungan. Soalan-soalan dalam protokol temu bual dengan kumpulan fokus telah diuji dalam satu kajian rintis, sebelum digunakan di lokasi sebenar seperti di Lampiran 6. Item-item soalan untuk dikemukakan kepada kumpulan fokus ini digubal dalam bentuk soalan terbuka. Contohnya, apakah pandangan anda tentang pembelajaran anda hari ini ?

Pengendalian kumpulan fokus yang cekap dan berkesan memerlukan seorang moderator (Anderson, 1999). Oleh itu, ketika mengendalikan temu bual kumpulan fokus, pengkaji sendiri telah berperanan sebagai seorang moderator. Peranan pengkaji sebagai moderator adalah amat penting kerana dialah yang mengawal keseluruhan sesi temu bual. Sebagai moderator, pengkaji telah mengelakkan wujudnya peserta yang mendominasi sesi temu bual. Pengkaji juga telah memberi motivasi peserta yang pendiam dan kurang memberi pandangan dan pendapat. Pengkaji juga telah berusaha mengelakkan sesi temu bual tersebut daripada menyeleweng dari matlamat asal kajian. Justeru, penyelidik telah berperanan sebagai moderator kerana hanya penyelidik yang memahami tujuan dan objektif temu bual kumpulan fokus, walaupun itu bukan suatu yang wajib.

Pengkaji telah merakam audio sesi temu bual kumpulan fokus. Rakaman audio ini telah membantu pengkaji merakam sepenuhnya apa yang telah dikongsi bersama dalam perbincangan, dan menjadi sumber data yang sangat berpotensi. Pada masa yang sama pengkaji juga telah membuat catatan lapangan dengan mencatatkan tarikh, masa, setting, peristiwa dan insiden-insiden yang berlaku. Nota catatan di lapangan ini telah dijadikan sebagai bahan sokongan kepada rakaman audio yang dijalankan semasa sesi temu bual kumpulan fokus berlangsung.

Pengkaji juga melakukan *pre-screened* ke atas peserta. Langkah ini telah dilakukan ke atas calon yang terdapat di dalam kumpulan guru pelatih KPLI yang telah ditentukan terlebih dahulu. Calon-calon peserta untuk menganggotai kumpulan fokus yang telah menunjukkan kesediaan untuk melibatkan diri dalam kajian ini telah dipilih dan diberikan taklimat tentang beberapa perkara berkaitan kajian. Pengkaji telah menerangkan; tujuan mereka dipilih sebagai peserta, sumbangan yang diperlukan dari mereka, etika, tatacara semasa temu bual, tempoh dan bilangan interaksi, dan keistimewaan-keistimewaan menjadi peserta kajian, kepada mereka. Anderson, (1998), mencadangkan supaya beberapa tindakan yang dapat mewujudkan suasana tempat yang natural dan selesa untuk peserta berinteraksi perlu disediakan oleh pengkaji. Justeru, pengkaji telah memilih bilik mesyuarat jabatan teknologi pendidikan yang menunjukkan dapat memenuhi kriteria yang diperlukan dalam temu bual kumpulan fokus.

Perkara berkaitan etika penyelidikan yang merujuk kepada pentingnya mendapatkan persetujuan bertulis daripada peserta, kerahsiaan maklumat peribadi dan pendapat, kebenaran untuk menarik diri dari penyelidikan, dan keperluan merakam audio hasil temu bual telah dimaklumkan kepada peserta kumpulan fokus. Pengkaji telah menggunakan Lampiran 7 sebagai dokumen rasmi untuk memenuhi keperluan

perkara yang berkaitan dengan etika penyelidikan iaitu Nota Persetujuan Guru Pelatih.

Pengkaji turut menjelaskan kepada ahli kumpulan fokus bahawa tujuan temu bual adalah untuk mencungkil pandangan dan pendapat mereka berkaitan pembelajaran selepas mengikuti proses pengajaran pensyarah yang dikaji. Untuk membolehkan penerokaan pandangan, dan pendapat guru pelatih dengan mendalam, pengkaji telah menggunakan strategi yang halus untuk membolehkan kumpulan fokus menyuarakan pandangan sebenar mereka. Temu bual yang dibuat adalah bukan bertujuan untuk mendapatkan jawapan yang tepat atau betul dan bukan juga untuk menilai pencapaian mereka dalam kemahiran TMK. Perkara tersebut juga telah diterangkan kepada setiap peserta kumpulan fokus. Penerangan awal ini telah diberikan supaya peserta lebih bersedia dan boleh memberikan kerjasama dengan baik. Lampiran 4 telah digunakan sebagai panduan pengkaji, dan menggunakan Lampiran 7 untuk mendapatkan persetujuan ahli kumpulan fokus setelah ditandatangani oleh guru pelatih.

Biodata peserta seperti nama penuh, alamat tempat tinggal dan alamat tetap, nombor telefon, kumpulan kuliah, nama mentor bagi setiap ahli kumpulan, telah disimpan oleh pengkaji sebagai suatu yang sulit dan untuk dijadikan rujukan. Dalam keadaan tertentu biodata peserta telah digunakan untuk memastikan hasil menemu bual kumpulan fokus dapat berjalan lancar. Kehadiran yang sempurna pada setiap interaksi telah menjamin hasil proses pengumpulan data dapat mencapai matlamat. Walaupun, temu bual bagi kali ketiga, keempat dan seterusnya tidak memperoleh kehadiran penuh namun hasil dari temu bual yang telah dijalankan telah menghasilkan pemerolehan data yang mencukupi dan menepati prosedur mengendalikan kumpulan fokus.

### **Penyediaan Tempat Temu Bual**

Temu bual dengan kumpulan fokus telah melibatkan pengkaji dan peserta-peserta kumpulan fokus sahaja. Untuk memastikan temu bual dapat berjalan lancar dan bebas dari gangguan, penyelidik telah menyediakan satu konteks yang natural, dan tertutup supaya peserta berasa selamat dan selesa sebelum sesi temu bual. Anderson (1998) mencadangkan supaya ... *begin the session with some transitional period. For example one can provide coffee and refreshment for those who arrive early, and the moderator and assistant can engage in appropriate small-talk.* Walaupun pengkaji tidak sampai ke peringkat menyediakan minuman dan kopi untuk mewujudkan suasana selesa di lokasi temu bual kumpulan fokus, namun pengkaji dapat mewujudkan suasana yang aman dan selesa, kerana pemilihan tempat temu bual adalah sesuai. Sebelum proses temu bual berlangsung pengkaji telah berbincang dengan pihak pentadbir institut, memohon untuk menjalankan beberapa sesi temu bual di dalam sebuah bilik yang berasingan dan berhawa dingin seperti yang telah dinyatakan.

Walaupun demikian tidak semua temu bual kumpulan dapat dilakukan dalam suasana tersebut. Dalam keadaan tertentu apabila berlaku kekangan dari segi masa dan kehadiran, pengkaji mengadakan temu bual kumpulan fokus di tempat-tempat yang munasabah seperti di bilik darjah, dan ruang bilik berhampiran dengan bilik kuliah kumpulan fokus. Keadaan ini hanya berlaku untuk temu bual bagi pusingan yang lebih daripada kali kedua dan ketiga.

Alat perakam audio telah diletakkan di satu lokasi yang strategik dari segi jarak dan kedudukannya supaya membolehkan rakaman temu bual ini dibuat dengan baik. Pengkaji telah memaklumkan kepada peserta bahawa perbualan mereka akan

dirakam, di samping catatan lapangan juga telah dibuat. Walaupun suasana itu telah menyebabkan peserta kurang selesa pada peringkat awal, namun pengkaji telah membuat penjelasan susulan tentang kerahsiaan identiti mereka sebagai penyumbang maklumat. Penjelasan ini telah meredakan suasana yang kurang selesa itu.

### **Langkah Semasa Temu Bual**

Pengkaji juga telah membina *rapport* dengan peserta kumpulan fokus. *Rapport* ini telah diwujudkan bagi memastikan temu bual berkumpulan berjalan lancar. Ini kerana menurut Arsenault, dan Anderson (1998), pengkaji yang berjaya membina *rapport* akan dapat meletakkan peserta dan pengkaji berada dalam keadaan tenang dan selesa semasa berkongsi pengalaman;

Penyelidikan kualitatif berusaha untuk memahami keadaan melalui pandangan peserta, iaitu peserta yang ditemu bual harus berkeadaan selesa untuk menyuarakan pandangan. Berkongsi maklumat pengalaman atau berbual dengan orang asing bukan suatu yang mudah bagi orang tertentu. Oleh itu adalah bermanfaat menjadualkan pertemuan dengan peserta mengikut faktor kesesuaian masa (Arsenault & Anderson, 1998. h.119-135).

Semasa temu bual awal pengkaji dengan kumpulan fokus perbincangan hanya berkisar tentang latar belakang peserta, dan pengkaji menerangkan tujuan kajian dan temu bual. Pengkaji telah menerangkan sekali lagi tentang persetujuan, dan persetujuan mereka melibatkan diri dalam kajian seperti yang telah diterangkan lebih awal.

Setiap kali sesi temu bual seterusnya, pengkaji telah memberi galakkan kepada peserta menjelaskan setiap respons mereka tentang hasil pembelajaran yang telah berlaku ke atas mereka. Apakah masalah-masalah yang mereka hadapi untuk mempelajari komponen TMK semasa sesi pengajaran, merupakan isu penting yang menjadi fokus perbincangan. Pengkaji berperanan sebagai moderator telah

menghormati maklum balas peserta kumpulan fokus walaupun maklum balas mereka ada kalanya tidak relevan dengan objektif perbincangan. Pengkaji telah memandu peserta supaya perbincangan sentiasa berada pada landasan yang dapat memenuhi tujuan kajian.

Semasa temu bual pengkaji juga telah berperanan sebagai pencatat, pendengar, dan pemandu yang aktif, walaupun temu bual dirakamkan. Menurut Cohen, et al., (2000) pengkaji perlu juga memelihara motivasi peserta kumpulan fokus dengan cara mengemukakan persoalan yang berada dalam lingkungan pengalaman pembelajaran mereka. Justeru, peranan pengkaji untuk menjadi penemu bual yang berkesan telah mengelakkan perkara-perkara yang boleh mengganggu sesi perbincangan seperti; panggilan telefon, mengemukakan soalan yang menyinggung peribadi individu, melompat dari satu topik ke topik lain, memberi nasihat tidak kena pada tempatnya, dan sebagainya seperti yang ditekankan oleh Cohen, et al., (2000).

### **Persiapan Selepas Temu Bual**

Rakaman dari temu bual menjadi sumber utama maklumat. Data daripada temu bual dengan pensyarah dan kumpulan fokus adalah dalam bentuk rakaman audio dan catatan lapangan. Sebaik sahaja selesai setiap sesi temu bual, pengkaji telah membuat transkrip ke dalam bentuk teks yang boleh difahami pengkaji untuk dianalisis. Transkrip-transkrip dari temu bual, dan perbincangan di antara pengkaji dengan peserta-peserta kajian telah disediakan dengan selengkapnya untuk dijadikan sebagai sumber data untuk dianalisis.



## **Dokumen**

Tiga dokumen penting telah digunakan dalam perolehan data kajian ini. Dokumen tersebut ialah Kurikulum Program KPLI, Sukatan Pelajaran bagi mata pelajaran TP2150D - Pengurusan Sumber, dan Fail Rekod Peribadi peserta kumpulan fokus. Kandungan dokumen-dokumen itu telah diteliti dan dianalisis untuk mendapatkan maklumat yang bermakna mengikut konteksnya (Krippendorff, (2004). Neuendorf (2002), telah memberi justifikasi tentang analisis kandungan sebagai teknik yang saintifik untuk memperoleh maklumat bagi menjawab soalan dalam suatu penyelidikan;

*Content analysis is a summarising, quantitative analysis of messages that relies on the scientific method (including attention to objectivity, intersubjectivity, a priori design, reliability, validity, generalisability, replicability, and hypothesis testing) and is not limited as to the types of variables that may be measured or the context in which the messages are created or presented (Neuendorf, 2002).*

Kaedah saintifik seperti yang dinyatakan di atas telah menjadi panduan pengkaji semasa menganalisis kandungan dokumen yang melibatkan kajian ini. Contohnya kurikulum kursus KPLI yang telah dikaji telah dirumuskan **AD01-06** - Analisis Keseluruhan Struktur Kursus Mengikut Sistem Semester.

### **Kurikulum KPLI**

Dua dokumen berkaitan dengan Kurikulum KPLI yang telah dirujuk adalah seperti di Jadual 2.1 dan juga Lampiran 2a. Jadual tersebut telah menjelaskan tentang struktur program KPLI yang mengandungi lima komponen kursus yang terdiri daripada Asas Dinamika Guru, Pengetahuan dan Keterampilan Ikhtisas, Pengetahuan dan Keterampilan Pengkhususan, Gerak Kerja Kokurikulum, dan Praktikum. Manakala Lampiran 2a pula telah menjelaskan tentang Model Konseptual Pendidikan

Guru yang mengandungi tiga dimensi utama iaitu Ketuhanan, Kemasyarakatan dan Kendiri, serta tiga aspek penting kualiti guru iaitu Pengetahuan, Kemahiran dan Nilai.

### **Sukatan Pelajaran TMK**

Sukatan pelajaran TP2150D - Pengurusan Sumber juga telah dirujuk untuk mendapatkan penjelasan tentang komponen TMK dari segi tujuan, matlamat, objektif dan tajuk-tajuk pelajaran yang telah dikaji proses penyampaianya dalam pengajaran oleh peserta. Sukatan ini telah dijadikan panduan oleh peserta dalam melaksanakan pengajaran mereka.

### **Rekod Peribadi Pelajar**

Fail Rekod Peribadi peserta Kumpulan Fokus turut disemak untuk melihat dari segi latar belakang pelajar yang mengandungi maklumat tentang asal tempat tinggal peserta, pencapaian dan bidang akademik, pengalaman dan pendedahan peserta terhadap TMK. Akses kepada dokumen ini telah diperolehi oleh pengkaji melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar dengan mematuhi syarat-syarat yang ketat.

### **Kajian Rintis**

Di peringkat awal lagi pengkaji telah menekankan aspek pemerolehan data yang lengkap dan mencukupi. Pengkaji telah menggunakan protokol pemerhatian dan protokol temu bual supaya mampu memperoleh data yang diperlukan sesuai dengan fokus kajian. Justeru, pengkaji telah melawat ke lapangan sebelum kerja-kerja khusus lapangan dilakukan. Satu kajian rintis telah dijalankan di satu lokasi yang mempunyai latar belakang keadaan yang dikehendaki oleh kajian. Untuk tujuan itu, institut perguruan yang berhampiran telah dipilih sebagai lokasi kajian rintis. Semua alat

pengumpulan data di lapangan, seperti Protokol Pemerhatian, Protokol Temu Bual dan Catatan Lapangan telah digunakan dalam kajian rintis ini seperti Lampiran 3, 4, 5 dan 6. Data yang diperoleh dari kajian rintis itu telah dianalisis untuk memperbaiki instrumen. Selepas kerja mentranskripsikan perbualan dan pengajaran dilakukan, data itu dibaca berulang-ulang dan memberi makna kepada data yang telah dianalisis. Langkah ini dilakukan bertujuan untuk memastikan protokol-protokol ini mampu memperoleh data yang diperlukan untuk menjawab soalan kajian. Kajian rintis ini juga bertujuan untuk mendedahkan pengkaji kepada pengalaman sebenar dalam kerja-kerja di lapangan.


### **Analisis Data**

Analisis data kajian telah bermula sebaik pengkaji berada di lokasi kajian dan memperoleh data yang bermakna. Creswell, (2003), menyatakan, penganalisan data merupakan hasil yang berterusan bermula dari mula pengkaji berada di lapangan. Pemerolehan data telah dilakukan dalam masa yang panjang dan memerlukan banyak usaha, bukan sahaja kerana kuantiti data yang banyak tetapi disebabkan oleh ciri data yang tidak teratur, serta telah mewujudkan keadaan yang tidak membantu pengkaji untuk menganalisis data dengan mudah (Gay, & Airasian, 2003). Pengurusan data kajian sebegini merupakan sesuatu yang rumit. Pengkaji telah menganalisis data sebaik sahaja menemu bual peserta kajian, dan berterusan sehingga interaksi dalam keseluruhan siri temu bual itu tamat. Pengkaji telah melakukan proses penganalisan data sejak awal lagi bertujuan untuk memudahkan dan melicinkan pengurusan dan pentadbiran data dengan berkesan.

### Data Temu Bual dan Pemerhatian Pengajaran

Sebelum menganalisis data dilakukan, data yang telah diperoleh dari lapangan telah dilabel dengan kod-kod terlebih dahulu oleh pengkaji seperti di Jadual 3.4 di Lampiran 13. Pelabelan sumber data dengan kod-kod ini adalah bertujuan untuk memudahkan proses merujuk semula sumber data yang telah digunakan semasa dan selepas membuat kerja-kerja penganalisan. Selepas sumber data dapat dikodkan langkah-langkah berikutnya iaitu mengkategorikan dan mengenal pasti ciri dan dimensi bagi tema yang muncul dilakukan.

Seterusnya, semasa menganalisis data yang sudah berada dalam bentuk transkrip dilakukan, pengkaji telah melabel data dengan menggunakan kod yang telah ditentukan. Proses mengkategorikan data dilakukan dengan menggunakan kod-kod ini sebagai petunjuk. Penentuan kod-kod ini adalah berdasarkan tinjauan kajian-kajian yang telah lalu. Pengkategorian dan pengekodan merupakan kaedah utama analisis data dalam kajian kualitatif (Cresswell, 2003). Perbezaan antara kaedah *prestructured* dengan kaedah analisis tradisional ditunjukkan seperti di dalam rajah berikut;



Rajah 3.1  
Susunan Analisis Tradisional berbanding dengan *Prestructured Case* oleh Miles and Huberman (1994)

Pengkaji telah menggunakan model penganalisan data secara *prestructured* oleh Miles dan Huberman (1994) untuk menganalisis data yang diperoleh dari peserta kajian yang melaksanakan pengajaran dan juga guru pelatih yang mengikuti proses pembelajaran. Pengkaji menggunakan kaedah analisis data ini kerana kesesuaiannya dengan proses pemerolehan data temu bual yang menggunakan teknik temu bual secara berstruktur.

Pengkaji juga telah mengumpul data yang berbeza dari segi ciri, bentuk dan sifatnya. Data pemerhatian pengajaran adalah terdiri dari dua bentuk iaitu data audio visual pengajaran pensyarah, dan catatan lapangan. Data audio visual itu ditranskripsikan ke dalam bentuk teks supaya apabila dibaca berulang-ulang ia boleh menghasilkan kategori dan tema yang bermakna. Catatan lapangan ditaip semula supaya berada dalam bentuk teks yang memudahkan proses menganalisis data.

Seterusnya, data temu bual peserta kajian adalah dalam bentuk teks selepas proses mentranskripsikan rakaman temu bual dibuat. Catatan lapangan juga ditaipkan semula untuk memudahkan pembacaan. Pengkaji telah membentuk tema dan kategori, diikuti dengan memberi makna kepada data yang telah dianalisis seperti yang dicadangkan oleh Cohen, et al. (2000).

Terdapat beberapa peringkat dalam menganalisis contohnya;

- Menjana unit-unit semula jadi yang bermakna;
- Mengklasifikasikan, mengkategorikan dan menyusun unit-unit yang bermakna itu;
- Menstrukturkan huraian untuk menjelaskan kandungan temu bual;
- Interpretasi data temu bual (Cohen, Manion, & Morrison, 2000. h. 280).

Pengkaji telah mengesan *pattern* dan kategori melalui proses pengelasan dan penyusunan semula data kualitatif, yang terbina hasil daripada orientasi dan pengetahuan yang diperoleh semasa berada di lapangan kajian. Pengkaji juga telah merujuk proses menganalisis data kualitatif oleh Strauss dan Corbin (1998), yang

bermula dengan membuat *open coding*, selepas data yang dikutip sudah berada dalam bentuk transkrip. Diikuti dengan membuat *axial coding* dan *selective coding*. Menurut Strauss dan Corbin (1998), kaedah ini dapat menjelaskan ... *how are discovered in data and developed in term of their properties and dimensions*.

Nama untuk *pattern* bagi setiap tema dan kategori yang muncul setelah data dianalisis diberi label. Pemberian nama kepada *pattern* yang muncul sebagai tema atau kategori telah memberi gambaran dan kefahaman kepada pengkaji tentang fokus kajian, serta jenis dan corak hubungan yang wujud di antara satu fenomena dengan fenomena yang lain.

### **Analisis Kandungan**

Kandungan dokumen yang telah dirujuk oleh pengkaji telah dianalisis menggunakan kaedah yang bersesuaian dengan sifat dokumen yang terlibat. Kaedah analisis kandungan yang melibatkan pembacaan dan pemahaman secara sistematik dokumen-dokumen yang berkaitan telah dilakukan. Dokumen-dokumen tersebut ada yang berbentuk teks, jadual, sijil, transkrip dan borang yang lengkap diisi oleh peserta kajian. Kandungan dokumen yang telah dianalisis menghasilkan maklumat dan dikodkan dengan kod; AD01-Kurikulum KPLI, AD02-Sukatan Pelajaran; AD03-Latar Belakang Pensyarah; AD04-Jadual Waktu; dan AD05-Rekod Profil Pelajar. Contoh dokumen yang telah dianalisis kandungannya adalah seperti di Lampiran 13a, 13b, 13c dan 13d. Data dari analisis kandungan ini telah digunakan untuk menyokong dapatan kajian seperti dalam membuat triangulasi, dan untuk membentuk tema yang muncul dari data yang sudah analisis.

### **Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian**

Kredibiliti kajian telah menjadi satu cabaran yang harus ditangani untuk menentukan suatu proses inkuiri itu bermakna kepada pembaca. Pengkaji telah menitik beratkan isu kesahan dan kebolehpercayaan sebagai satu kriteria penting dalam kajian ini. Flicks (1998), telah menggunakan istilah kredibiliti untuk menggantikan kesahan dan kebolehpercayaan, ... *where trustworthiness and credibility replace reliability and validity*.... Gay dan Airasian (2003) pernah menyatakan, satu kriteria kredibiliti ialah ... *to indicate that the topic was accurately identified and described*... . Menurut mereka lagi, ... *credibility of data can be attained by demonstrating that the concepts used to describe the study are congruent with the data selected to gather information about the concept* (h.246).

Berasaskan pendapat mereka, pengkaji telah mengenal pasti syarat-syarat pengajaran, dan strategi pengajaran seperti yang terkandung dalam teori reka bentuk pengajaran oleh Reigeluth (1983), sebagai topik kajian dan telah dihuraikan dalam Bab 1. Justeru, pengkaji mempertingkatkan kredibiliti kajian dengan meletakkan aspek kesahan dan kebolehpercayaan sebagai langkah untuk memelihara integriti kajian.

### **Kewibawaan Kajian**

Kesahan dan kebolehpercayaan adalah kriteria penting terhadap kewibawaan kajian. Kajian yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi membawa pembaca berasa yakin untuk mengaplikasikan dapatan kajian. Justeru, kajian ini telah mengumpul data, menganalisis dan menghuraikan pemboleh ubah yang telah ditentukan kajian untuk diselidiki dengan menitik beratkan aspek kesahan dan kebolehpercayaan.

... kesahan dan kebolehpercayaan kajian merujuk kepada darjah di mana pengkaji berjaya memberi gambaran sebenar keadaan latar yang diselidiki, dan sejauh mana dapatan yang serupa boleh diperoleh jika kajian yang serupa diulang dengan melibatkan pengkaji lain ... sejauh mana ketepatan penjelasan itu mewakili fenomena sosial yang dirujuk (Gibbs, G. R., 2002: h.230: h.246).

Kesahan dapatan dalam sesuatu kajian melibatkan persoalan, *how congruent are the findings with the reality ?* (Merriam, 2001). Justeru, dalam konteks kajian ini, persoalan yang timbul ialah, adakah syarat-syarat pengajaran TMK dan strategi pengajaran komponen TMK di program KPLI yang telah difahami benar-benar menggambarkan perkara sebenar yang diamalkan oleh pensyarah di institut perguruan ? Oleh kerana itu, untuk memperoleh gambaran yang sebenar pengkaji telah mencatat, merakam, dan mentafsir seobjektif yang mungkin fenomena yang diselidiki melalui metodologi kajian yang tertib. Teknik pemerhatian, temu bual, analisis dokumen, dan catatan lapangan sebagai kaedah memperoleh data telah dilakukan mengikut norma penyelidikan yang biasa diamalkan oleh pengkaji-pengkaji lain dalam bidang sains sosial.

Huraian berkaitan teknik-teknik pemerolehan data adalah seperti yang telah dijelaskan di bahagian awal dalam bab ini. Pengkaji sendiri telah bertindak sebagai instrumen kajian semasa mengumpul data primer di lapangan. Pengkaji menggunakan berbagai protokol pemerhatian, temu bual dan catatan lapangan yang diakui oleh pengkaji-pengkaji lain boleh menjawab persoalan dan fokus kajian. Penginterpretasian data juga telah dilakukan oleh pengkaji sendiri melalui proses refleksi secara induktif, dan juga deduktif. Justeru, proses inkuiri yang menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif ini, di mana pengkaji sendiri melalui pengalaman di lokasi kajian, sudah tentu membina laporan pengalaman inkuiri yang jitu dan



tersendiri. Kekuatan reka bentuk kajian kes secara kualitatif yang telah diguna pakai dalam kajian ini menjamin integriti penyelidikan ini.

### **Prosedur Kesahan Kajian**

Bagi memelihara kesahan kajian, pengkaji telah melaksanakan empat strategi yang menjurus ke arah memenuhi kriteria kewibawaan sebuah kajian kes. Gay dan Airasian (2003: h.246) menyarankan ... *prolonged research engagement, peer examination of meaning, and negative case analysis are tools that enhanced analysis... triangulation is another important and powerful approach used to established the credibility of a qualitative research study*. Merriam (2001) pula menjelaskan bahawa langkah-langkah seperti ... *triangulation, member checks, long-term observation, peer examination, participatory of collaborative modes of research and researcher's biases* ... adalah sebagai satu kaedah yang sesuai untuk menjamin kesahan kajian kes kualitatif. Justeru, kajian ini menggunakan langkah-langkah yang telah dinyatakan di atas untuk memelihara kredibiliti kajian ini.

### **Triangulasi**

Triangulasi ialah menggunakan berbagai sumber untuk menyokong dan memperkukuhkan kesahan terhadap data kajian yang telah diperoleh. Pengkaji telah membuat triangulasi dengan cara menggunakan kaedah untuk memperoleh data seperti melalui rakaman audio visual semasa membuat pemerhatian pengajaran, temu bual, dan catatan lapangan tentang syarat-syarat dan strategi pengajaran. Gay dan Airasian (2003), mendefinisikan langkah ini sebagai ... *a form of cross-validation that seeks regularities in the data by comparing different participants, comments, setting, and methods to identify recurring results... the aim is to obtain similar information*

*from different independent sources.* Penyelidik-penyelidik tersohor seperti Cohen, et al. (2000), Gibbs, (2002), Creswell, (2003), dan Merriam, (2003) juga telah mengamalkan langkah ini dalam kajian mereka, Justeru, pengkaji turut membuat triangulasi semasa menjalankan kajian ini, untuk mendapatkan gambaran yang lengkap dan tepat tentang fenomena yang diselidiki.

Semasa pengkaji berusaha untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang syarat-syarat pengajaran, dan strategi pengajaran komponen TMK, maklumat dari pelbagai sumber seperti pemerhatian dalam bilik darjah, temu bual pensyarah, guru pelatih, catatan lapangan semasa berada dalam bilik darjah, serta dokumen-dokumen rasmi. Triangulasi yang digunakan ini, menurut Cohen (2000) dikenali sebagai *methodological triangulation ... using the same method on different occasions, or different methods on the same object of study.*

Triangulasi data sekali lagi dibuat semasa proses menganalisis data dilakukan, contohnya pengkaji telah membuat rujukan silang terhadap data tentang latar belakang guru pelatih lulusan universiti di Timur Tengah yang dikatakan oleh peserta yang mengatakan mereka tiada terdedah kepada TMK (PY02:1:409-413), dalam pengalaman lepas mereka. Pengkaji telah menyemak dokumen rasmi, iaitu fail peribadi guru pelatih yang menjadi anggota dalam kumpulan fokus, sebagai satu triangulasi data untuk mengesahkan fakta yang dijumpai (AD05-02-FG05-02).

### **Hubungan Berterusan**

Persoalan, berapa lama pengkaji berada di lapangan untuk menjalankan kajian, adalah satu prosedur mengesahkan data dalam kajian ini. Gay dan Airasian (2003), menyatakan sebagai *prolonged research engagement* dengan peserta kajian. Pengkaji telah berada di lapangan kajian untuk satu jangka masa yang lama (FN050302,

FN050627, FN051208) . Pengkaji telah mengumpul pelbagai jenis data dari berbagai-bagai sumber mulai dari Januari sehingga Disember 2005. Pengkaji telah berada di lapangan bersama peserta kajian secara berterusan dari Semester I/2005 sehingga akhir Semester II/2005. Jangka masa selama hampir satu tahun itu telah memberi banyak peluang kepada pengkaji untuk mendekati peserta dan membiasakan diri dengan persekitaran institut perguruan. Interaksi sosial yang berlaku di lapangan kajian membolehkan pengkaji memahami persekitaran dengan lebih baik. Tempoh masa tersebut adalah memadai untuk pengkaji mendapat gambaran yang holistik dan jitu tentang fenomena yang hendak diselidiki. Berdasarkan hujah ini, satu penglibatan yang cukup lama untuk memperoleh data yang tepat dan jitu telah dilakukan meliputi interaksi semuka dalam temu bual yang dirancang dan interaksi harian semasa berada di lapangan. Pengkaji secara konsisten mencari dan mengesan pola syarat pengajaran dan strategi pengajaran TMK yang benar-benar wujud dan berlaku di lapangan kajian. Satu tempoh masa yang cukup lama memang diperlukan oleh pengkaji untuk memperkukuhkan corak yang ditemui, seterusnya memahami hubungan antara fenomena yang wujud dalam konteks program KPLI.

### **Semakan Ahli (Member Checks)**

Dalam prosedur kesahan kajian ini, semakan peserta bermaksud, merujuk semula data dan interpretasi yang telah dibuat oleh pengkaji kepada peserta yang memberi maklumat berkenaan (FN050620). Tindakan ini dilakukan sebagai satu pemeriksaan terhadap ketepatan dan interpretasi data sebelum menjadi muktamad. Merriam (2001), menjelaskan semakan peserta ini adalah sebagai ... *data and tentative interpretation are taken back to the people from whom they are derived and asking them if the result is plausible*. Pengkaji telah merujuk semula kepada peserta

utama iaitu pensyarah untuk memastikan ketepatan latar belakang guru pelatih semasa menginterpretasikan tentang minat guru pelatih terhadap komponen TMK. Justeru, pengkaji melakukan langkah ini secara berterusan sebagai satu prosedur untuk mengesahkan dapatan kajian.

Terdapat dua peringkat semakan peserta yang berlaku. Peringkat pertama, pengkaji membawa bersamanya data temu bual yang telah selesai ditranskripsikan, dan diberikan kepada peserta untuk dia membaca dan menyemaknya sendiri (FN050627). Perkara-perkara yang tercatat yang tidak menepati pandangannya telah digugurkan. Setengah keadaan peserta sendiri meminta pengkaji membacakan transkripsi yang telah disediakan itu, dan memadam data yang tidak relevan berdasarkan pendapatnya. Di peringkat kedua, pengkaji menemui semula peserta pada masa lain untuk menyemak interpretasi yang telah diperoleh daripada data tersebut, seperti contoh yang telah dinyatakan di atas. Prosedur ini dapat dilakukan apabila pengkaji mempunyai hubungan yang rapat dalam bentuk formal dan separa formal dengan peserta yang terbentuk dalam tempoh masa yang panjang semester satu dan berlanjutan sehingga semester kedua. Kerjasama itu diberi oleh peserta berdasarkan kepercayaan, dan keyakinan yang terbina sejak awal tahun apabila pengkaji masuk ke lokasi. Justeru, kefahaman baru terhadap apa yang berlaku dalam persekitaran fenomena yang dikaji akan menjadi lebih mantap, dan memiliki kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

### **Pemeriksaan Rakan Sebaya (*Peer Examination*)**

*Peer* merujuk kepada rakan sebaya kepada pengkaji yang juga sedang menjalankan kerja-kerja menyelidik. *Examination* pula adalah proses mendapatkan pandangan. Maka, konsep pemeriksaan rakan sebaya yang telah dilakukan oleh

pengkaji adalah langkah mendapatkan pandangan dan pendapat terhadap corak atau *pattern* yang muncul selepas proses analisis data untuk dijadikan sebagai dapatan kajian. Semasa pengkaji dalam proses menganalisis data dan membuat interpretasi kajian, pola yang muncul tentang persekitaran pengajaran TMK dalam konteks pendidikan guru KPLI, telah dikongsi bersama dengan tiga pelajar pasca siswazah lain di Jabatan Kurikulum dan Teknologi Pengajaran, UM di bawah bimbingan penyelia kepada pengkaji. Pandangan bernas dan saranan dari pihak ketiga telah menghasilkan satu perspektif yang berbeza dari apa yang dialami dan difahami oleh pengkaji. Justeru, pemeriksaan rakan sebaya telah menjadi satu lagi prosedur yang telah digunakan oleh pengkaji untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian ini.

Selain daripada perkongsian dengan rakan sebaya seperti di atas, prosedur kesahan kajian untuk memahami fenomena yang dikaji, pengkaji juga membuat perkongsian formal dengan pihak lain dalam bentuk seminar dan bengkel yang dihadiri oleh pelajar-pelajar pasca siswazah dalam bidang pendidikan. Pada peringkat cadangan kajian, pengkaji telah membuat beberapa pembentangan tentang sebahagian daripada asas-asas kajian ini dalam seminar dan bengkel. Di antaranya ialah Seminar Pendidikan Guru Kebangsaan yang dianjurkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 29/11 – 1/12/2004, Seminar Kurikulum dan Teknologi Pengajaran, anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya pada tahun 2003 dan 2004.

Interaksi formal tersebut telah mengukuhkan tajuk, skop, dan fokus kajian, selain daripada memberikan perspektif yang berbeza terhadap fokus, dan skop kajian sebelum itu. Bengkel, pembentangan, dan perbincangan dalam aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan Pelajar PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya juga

merupakan medan dalam *peer examination* yang telah membantu pengkaji untuk memenuhi prosedur kesahan dan kebolehpercayaan kajian.

Seperti dalam semakan peserta, pengkaji telah melaksanakan prosedur yang sama untuk melihat persekitaran dan strategi pengajaran secara berperingkat. Pertama pengkaji dalam pemeriksaan rakan sebaya, telah melaksanakan langkah seperti membentangkan sebahagian daripada dapatan kajian dalam bengkel dan perbincangan kumpulan dengan rakan-rakan pelajar pasca siswazah, Persatuan Pelajar PhD. Perbincangan ini merupakan perbincangan rakan pasca siswazah yang sedang melalui proses yang sama.

### **Kecenderungan Pengkaji (Bias)**

Pengkaji adalah seorang pensyarah yang mempunyai latar belakang akademik peringkat ijazah pertama dalam bidang Geografi, dan ijazah sarjana pendidikan dalam pengkhususan Kurikulum dan Pengajaran. Dari segi kelayakan sebagai pendidik pengkaji juga mempunyai kelulusan ikhtisas sijil perguruan dari institut perguruan yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sebelum bertugas sebagai pensyarah di institut perguruan, pengkaji telah bertugas sebagai pendidik di sekolah rendah dan sekolah menengah. Pengalaman mengajar selama tiga tahun di sekolah rendah dan tujuh tahun di sekolah menengah telah mendedahkan pengkaji kepada berbagai persekitaran pengajaran semasa berada di sekolah. Begitu juga dengan pengalaman sebagai pendidik, pengkaji telah menggunakan berbagai strategi pengajaran dalam mata pelajarannya semasa mengajar dalam bilik darjah.

Sebagai pensyarah selama dua belas tahun di institut perguruan, pengkaji telah mengajar mata pelajaran Pengurusan Sumber untuk KPLI, dan juga KDPM. Pelajar-

pelajar dalam kursus-kursus ini mengambil Pengurusan Sumber sebagai mata pelajaran wajib di Jabatan Teknologi Pendidikan. Amalan pengajaran dan pembelajaran pengkaji di peringkat awal bertugas sebagai pensyarah adalah lebih berorientasikan kepada guru, dan kurang berpusatkan kepada pelajar dan sumber pembelajaran. Sebagai seorang pensyarah baru, bimbingan dan nasihat dari pensyarah yang lebih berpengalaman dalam bidang yang sama banyak mempengaruhi penggunaan kaedah dan strategi pengajarannya. Orientasi pengajaran berpusatkan guru terus menjadi amalan apabila keadaan persekitaran pengajaran kurang di sokong dengan kemudahan TMK.

Di peringkat seterusnya, pengkaji telah didedahkan dengan berbagai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi pengajaran melalui kursus-kursus pendek. Melalui pengalaman tersebut, pengkaji mendapati bahawa faktor persekitaran pengajaran dalam bilik darjah satu aspek yang sangat penting yang mempunyai kaitan rapat dengan proses pengajaran. Oleh itu amalan pengkaji telah berubah kepada pendekatan pengajaran yang berorientasikan kepada pelajar dan bahan. Peranan pensyarah adalah lebih kepada berperanan sebagai pemudah cara yang menjadi rujukan pelajar apabila timbul masalah berkaitan pembelajaran.

Pengalaman sebagai pensyarah di dua institut perguruan yang berbeza telah menyebabkan pengkaji cenderung terhadap dua aspek penting dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu persekitaran dan strategi pengajaran khususnya dalam menyampaikan kandungan berkaitan TMK. Perkara ini telah mempengaruhi kecenderungan pengkaji melihat dua aspek kajian ini sahaja, sama ada semasa berada di lapangan, mahupun ketika menganalisis dan mentafsir data.

Semasa melakukan temu bual dengan kumpulan fokus, pengkaji cenderung untuk mengajukan soalan-soalan yang menjurus kepada pemerolehan maklumat

tentang persekitaran pengajaran, dan insiden-insiden yang berlaku dalam proses pengajaran sahaja. Sebaliknya, apakah proses kognitif yang berlaku dalam diri pelajar sepanjang pengajaran berlaku telah terabai. Keadaan ini ternyata mewujudkan unsur bias terhadap kajian ini, kerana selain mengkaji syarat dan strategi pengajaran, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti hasil pembelajaran TMK yang diperoleh pelajar selepas sesuatu strategi pengajaran digunakan oleh pensyarah.

Sebagai langkah untuk melengkapkan diri dengan kemahiran menyelidik pengkaji telah mengaudit kursus Kaedah Penyelidikan Kualitatif dalam Pendidikan yang ditawarkan oleh Fakulti Pendidikan di peringkat Sarjana. Pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dari kursus tersebut banyak membantu pengkaji memahami prosedur melaksanakan kajian secara kualitatif.

Pendekatan kajian kualitatif, pengkaji adalah sebagai alat utama untuk memperoleh data dan maklumat primer. Situasi ini sudah pasti mewujudkan unsur bias pengkaji terhadap kajiannya. Bagi mengurangkan kecenderungan pengkaji menggunakan pandangan peribadinya, pengkaji telah mengawal unsur bias ini dengan langkah-langkah tertentu. Langkah pertama, pengkaji telah meletakkan diri supaya berada di lokasi kajian untuk satu tempoh yang lama iaitu dari Januari hingga Disember 2005. Selepas memahami kaedah dalam penyelidikan kualitatif dari kuliah yang diaudit, pengkaji telah berusaha sedaya upaya supaya tidak dipengaruhi oleh pandangan peribadi terhadap syarat-syarat dan strategi pengajarannya. Dalam keadaan dan tempoh masa yang dinyatakan, unsur bias pengkaji dapat dikurangkan.

Kajian ini bertujuan untuk meneroka syarat-syarat, strategi dan hasil pengajaran komponen TMK. Ini bermaksud, tiada sebarang penilaian terhadap keadaan syarat-syarat pengajaran yang terdapat di lokasi kajian. Begitu juga tiada penilaian dilakukan terhadap pelaksanaan pengajaran oleh pensyarah yang



diperhatikan, dan pencapaian hasil pembelajaran pelajar. Sebaliknya, secara formal, pengkaji sentiasa mengingatkan peserta kajian tentang tujuan kajian dijalankan, semasa proses mengutip data dilakukan.

Semasa menganalisis data, interpretasi dilakukan hanya berdasarkan data yang dikutip oleh pengkaji semasa berada di lokasi kajian sahaja. Petikan-petikan dari senarai rujukan yang terdapat di bahagian bibliografi sahaja digunakan untuk menyokong perbincangan sebelum rumusan kepada sesuatu isu itu dibuat.

### **Etika Kajian**

Kajian ini melibatkan dua golongan peserta kajian; pensyarah dan guru pelatih. Pengkaji telah memelihara isu etika kajian dengan teliti sepanjang penyelidikan ini dijalankan seperti yang dinyatakan Leedy (2001), menjelaskan tujuan kajian, jujur, ikhlas, menghormati, dan bertanggungjawab terhadap ketenteraman peserta, sentiasa dipelihara semasa bersama peserta.

Semasa peserta melaksanakan pengajaran sukatan pelajaran Pengurusan Sumber, KPLI, berbagai-bagai dokumen rasmi telah dirujuk. Selain daripada sukatan pelajaran, dokumen-dokumen lain telah digunakan semata-mata sebagai rujukan dan panduan. Dokumen ini dirujuk untuk menentukan tajuk-tajuk dalam komponen TMK yang dikaji. Ini adalah untuk memelihara dari penyalahgunaan dokumen rasmi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Begitu juga dengan pandangan dan pendapat para peserta kajian, pandangan dan pendapat mereka semasa menjawab soalan-soalan pengkaji digunakan semata-mata untuk tujuan pemerolehan data dan maklumat kajian ini.

Beberapa perkara yang disarankan oleh Miles dan Huberman (1994), untuk memperoleh data kualitatif, persetujuan peserta kajian telah dibuat di peringkat awal

kajian ini. Oleh kerana kajian ini memerlukan peserta didampingi dan disoal jawab dalam jangka masa yang agak lama, maka persetujuan yang jujur secara bertulis dan secara lisan daripada peserta telah dibuat sebelum memulakan kajian seperti di Lampiran 7.

Miles dan Huberman (1994), juga menyarankan supaya persetujuan peserta kajian diberi perhatian sepanjang kajian berlangsung. Peserta telah diberi hak untuk mengetahui pengkaji dan kajiannya seperti di Lampiran 8. Hal ini melibatkan latar belakang serta identiti pengkaji seperti nama, tempat bekerja atau belajar, tujuan kajian, signifikan kajian dan perkara yang peserta perlu lakukan. Penyelidik juga telah memberitahu peserta tentang kemungkinan risiko yang akan dihadapi seperti gangguan jadual peribadi, terpaksa menunggu selepas waktu kuliah yang mungkin menimbulkan ketidakselesaan.

Peserta juga telah diberi hak untuk menyemak semula perkara yang telah diperkatakannya untuk mendapatkan pengesahan. Mereka juga telah diberitahu tentang hak untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa yang mereka fikirkan perlu. Penyelidik tidak berhak untuk memaksa peserta meneruskan kajian. Peserta juga telah diberitahu bahawa beberapa perkara seperti nama dan nama maktab perguruan akan dirahsiakan. Nama samaran telah digunakan untuk tujuan penulisan laporan penyelidikan. Persetujuan tentang bagaimana bahan temu bual akan disebarkan kepada umum juga diperoleh persetujuan daripada peserta.

Akhirnya, persetujuan pengarah institut juga telah diperoleh sebelum memulakan kajian seperti di Lampiran 9. Semua langkah dan tindakan yang telah dinyatakan di atas melibatkan isu etika dalam penyelidikan. Justeru, etika penyelidikan yang harus dipegang oleh para penyelidik telah diamalkan oleh pengkaji. Etika sentiasa diamalkan oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian ini.

## **Kesimpulan**

Keseluruhan bab ini telah membincangkan metodologi kajian. Reka bentuk kajian, penggunaan teknik pemerolehan data, langkah pengumpulan, penganalisan data, prosedur melaksanakan keseluruhan kajian, kesahan dan kebolehpercayaan, serta isu etika dalam penyelidikan telah dihuraikan. Kajian yang bertujuan untuk memahami dengan mendalam syarat-syarat pengajaran, dan penggunaan strategi, serta hasil pengajaran komponen TMK, telah disusun secara teratur. Berasaskan sukatan pelajaran Pengurusan Sumber, KPLI sebagai panduan, kajian ini telah menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif di sepanjang proses pelaksanaannya. Bagi mencapai tujuan kajian, kaedah pemerhatian tidak turut serta dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, telah menghasilkan data pemerhatian yang dirakam melalui rakaman audio visual. Data pemerhatian ini telah disokong dengan catatan pemerhatian di lapangan. Rakaman audio temu bual dengan peserta utama dan kumpulan-kumpulan fokus telah dilakukan untuk memudahkan proses menganalisis data. Analisis dokumen-dokumen rasmi yang relevan dengan skop kajian turut digunakan untuk menyokong dapatan kajian.

Dengan menggunakan secara teratur prosedur-prosedur yang dibincangkan dalam bab ini, metodologi kajian yang telah diikuti didapati telah memandu pengkaji untuk melaksanakan kajian dengan lancar. Peserta kajian yang terdiri daripada empat orang, tiga orang pensyarah dan seorang ketua jabatan, dan lima kumpulan fokus di institut perguruan telah menyumbang data dan maklumat kepada dapatan kajian yang dibincangkan dalam bab seterusnya.